



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperak@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld.2 ()

Tarikh: 30 Syawal 1445H

09 Mei 2024 M

YA Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

YAA Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

YA Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

YA Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

YA Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

**Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 1 Tahun 2024**

**Penerimaan dan Penguatkuasaan
Arahan Amalan
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
Tahun 2023**

Saya ingin menarik perhatian YAA / YA / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie yang telah diadakan di Bilik Gerakan, Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 2 hingga 3 April 2024 dan berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen

Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan bagi pemakaian dan penguatkuasaan Arahan Amalan JKSM tahun 2023 seperti berikut:

BIL	NO. ARAHAN AMALAN	TAJUK ARAHAN AMALAN	CATATAN
1.	1/2023	Tatacara Penukaran atau Pelepasan Peguam Syarie Jabatan Bantuan Guaman (JBG) / Peguam Panel JBG	Diterima
2.	2/2023	Penyediaan dan Pengeluaran Perintah Bertulis Bagi Kes Jenayah Syariah	Diterima dengan pindaan pemakaian sistem bagi tujuan penyediaan dan pengeluaran perintah diperluaskan kepada apa-apa sistem pengurusan kes secara elektronik yang digunapakai di Mahkamah.
3.	3/2023	Penyediaan Waran Tangkap dan Notis Kepada Penjamin dalam Kes Jenayah Syariah	Diterima
4.	4/2023	Had Masa Pendaftaran dan Sebutan Bagi Kes Jenayah Syariah	Diterima
5.	5/2023	Keperluan Untuk Mengemukakan Carian Rasmi / Persendirian Geran Hak Milik Terkini Semasa Pendaftaran dan Pada Mana-Mana Peringkat Prosiding Sebelum Penghakiman Bagi Tuntutan / Permohonan Harta Tak Alih	Diterima
6.	6/2023	Pemakaian Garis Panduan Penentuan Kelayakan Penjaga <i>Ad-Litem</i> Bagi Kategori Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Tak Berkeupayaan dan Kanak-Kanak Dalam Prosiding di Mahkamah Syariah	Diterima

7.	7/2023	Keperluan Khas Dalam Menentukan Kadar Nafkah Anak Yang Berstatus Orang Kelainan Upaya (OKU)	Diterima dengan pindaan menolak pemakaian perenggan 2.
8.	8/2023	Pemakaian Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertauliah Dalam Perbicaraan Kes Mal dan Jenayah Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Pekak dan Bisu, dan Penterjemah Bertauliah Bagi Orang Yang Tidak Boleh Bertutur Dalam Bahasa Kebangsaan	Diterima
9.	9/2023	Penentuan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Yang Mendengar dan Memutuskan Kes Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran	Ditangguhkan
10.	10/2023	Galakan untuk Melantik Peguam Syarie Dalam Prosiding Kes Yang Melibatkan Perbicaraan, Rayuan dan Semakan	Diterima dengan pindaan pemakaian diperluaskan kepada Mahkamah Utama Syariah
11.	11/2023	Pemakaian Prosedur Operasi Standard (<i>Standard Operation Procedure</i> –SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatan di Luar Penjara Bagi Pesalah Syariah	Diterima
12.	12/2023	Pemakaian Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Bagi Pesalah Syariah	Diterima

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai **13 Mei 2024**.



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak



**ARAHAN AMALAN
JABATAN KEHAKIMAN
SYARIAH MALAYSIA
(JKSM) TAHUN 2023**



Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(39)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2023

TATACARA PENUKARAN ATAU PELEPASAN PEGUAM SYARIE JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG)/ PEGUAM PANEL JBG

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Tatacara Penukaran atau Pelepasan Peguam Syarie Jabatan Bantuan Guaman (JBG)/ Peguam Panel JBG sepertimana yang berikut:

1. Permohonan penukaran atau pelepasan Peguam Syarie JBG/ Peguam Panel JBG hendaklah dimulakan oleh anak guam JBG dengan memfailkan Borang MS 6 (Notis Penukaran Peguam Syarie) atau MS 7 (Notis Pelepasan Peguam Syarie) Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Ma/* Mahkamah Syariah Negeri.
2. Borang MS 6 atau MS 7 tersebut hendaklah disampaikan oleh anak guam JBG kepada Peguam Syarie JBG/ Peguam Panel JBG dalam tempoh tidak kurang dua hari sebelum tarikh sebutan/ pendengaran. Penyampaian borang-borang tersebut hendaklah dibuktikan melalui affidavit penyampaian.

3. Peguam Syarie JBG/ Peguam Panel JBG hendaklah memfailkan Borang III (Pemberitahuan Pembatalan Perakuan Bantuan Guaman) Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman 2017 ke mahkamah.
4. Mahkamah perlu meneliti Borang MS 6 atau MS 7 berserta Borang III yang difailkan dan setelah berpuas hati, boleh meluluskan permohonan tersebut.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جائتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PASCA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(40)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M


YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2023

PENYEDIAAN DAN PENGELUARAN PERINTAH BERTULIS BAGI KES JENAYAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Penyediaan dan Pengeluaran Perintah Bertulis bagi Kes Jenayah Syariah hendaklah disediakan dan dikeluarkan oleh mahkamah melalui sistem E-Syariah dalam tempoh 14 hari bagi kes yang dirayu dan 21 hari bagi kes yang tidak dirayu dari tarikh kes diputuskan.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN
PERBICARAAN DAN
PASCA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(41)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2023

PENYEDIAAN WARAN TANGKAP DAN NOTIS KEPADA PENJAMIN BAGI KES JENAYAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Penyediaan Waran Tangkap dan Notis kepada Penjamin bagi Kes Jenayah Syariah hendaklah disediakan oleh mahkamah.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(42)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2023

HAD MASA PENDAFTARAN DAN SEBUTAN KES JENAYAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Had Masa Pendaftaran dan Sebutan Kes Jenayah Syariah di mahkamah sepertimana yang berikut:

1. Semua permohonan pendaftaran kes jenayah syariah hendaklah diterima dan didaftarkan pada hari yang sama setelah semua prosedur dipatuhi; dan
2. Tarikh sebutan hendaklah ditetapkan dalam tempoh 21 hari setelah pendaftaran dibuat.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جايتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN DAN
PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(43)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri


ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2023

KEPERLUAN UNTUK MENGEMUKAKAN CARIAN RASMI/ PERSENDIRIAN GERAN HAK MILIK TERKINI SEMASA PENDAFTARAN DAN PADA MANA-MANA PERINGKAT PROSIDING SEBELUM PENGHAKIMAN BAGI TUNTUTAN/ PERMOHONAN HARTA TAK ALIH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Keperluan untuk Mengemukakan Carian Rasmi/ Persendirian Geran Hak Milik Terkini semasa Pendaftaran dan pada Mana-Mana Peringkat Prosiding sebelum Penghakiman bagi Tuntutan/ Permohonan Harta Tak Alih.

2. Arahan Amalan ini turut terpakai bagi kes faraid yang didaftarkan/ dibicarakan di Mahkamah Syariah Negeri Sabah dan Sarawak sahaja dan tidak terpakai bagi kes faraid yang didaftarkan/ dibicarakan di mahkamah syariah negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جابتن كحاکيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(44)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2023

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PENENTUAN KELAYAKAN PENJAGA AD LITEM BAGI KATEGORI ORANG KURANG UPAYA (OKU), ORANG TAK BERKEUPAYAAN (OTB) DAN KANAK-KANAK DALAM PROSIDING KES DI MAHKAMAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Pemakaian Garis Panduan Penentuan Kelayakan Penjaga *Ad Litem* bagi Kategori Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Tidak Berkeupayaan (OTB) dan Kanak-Kanak dalam Prosiding Kes di Mahkamah Syariah sepertimana di Lampiran.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

**GARIS PANDUAN PENENTUAN KELAYAKAN PENJAGA *AD LITEM*
BAGI KATEGORI ORANG KURANG UPAYA (OKU),
ORANG TIDAK BERKEUPAYAAN (OTB) DAN KANAK-KANAK
DALAM PROSIDING KES DI MAHKAMAH SYARIAH¹**

BAHAGIAN 1 – NAMA

1. Arahan Amalan ini bolehlah dinamakan Garis Panduan Penentuan Kelayakan Penjaga *Ad Litem* bagi Kategori Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Tak Berkeupayaan (OTB) dan Kanak-Kanak, dan terpakai di mahkamah syariah negeri-negeri.

BAHAGIAN 2 – TAFSIRAN

1. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

“kanak-kanak” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*], iaitu seperti yang berikut:

- (a) ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun; dan
- (b) berhubung dengan prosiding jenayah, ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan [*Akta 574*];

¹Kod Kes Baharu (*E-Syariah v.3*): 261 - Permohonan Penjaga *Ad-Litem*
Kod Kes Lama: 031- Permohonan Penjaga Diri/ Harta/ Anak Yatim

“orang kurang upaya” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685], iaitu seperti yang berikut:

“termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”

“orang tak berkeupayaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 3 Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-negeri, iaitu seperti yang berikut:

“termasuklah seseorang budak, seseorang tak sempurna akal dan seseorang yang ditegah menguruskan hartanya”

“Penjaga *ad litem*” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah ertinya seseorang yang dilantik oleh Mahkamah untuk mewakili kepentingan seorang Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Tak Berkeupayaan (OTB) dan kanak-kanak dalam perbicaraan tertentu.

BAHAGIAN 3 – PEMAKAIAN

2. (1) Garis Panduan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana prosiding mahkamah bagi kes Permohonan Penjaga *Ad Litem* (Kod 261) dan/ atau Permohonan Penjaga Diri/ Harta/ Anak Yatim (Kod 031) berkaitan dengan pelantikan seorang penjaga *ad litem* di mahkamah syariah negeri-negeri;

(2) Suatu permohonan pelantikan penjaga *ad litem* boleh dibuat mengikut bidang kuasa mahkamah syariah masing-masing berdasarkan tatacara yang diperuntukkan dalam Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* mahkamah syariah negeri-negeri.

BAHAGIAN 4 – KELAYAKAN DAN PRASYARAT

3. (1) Seseorang yang hendak dilantik sebagai penjaga *ad litem* bagi OKU, OTB atau kanak-kanak mempunyai syarat-syarat kelayakan seperti yang berikut:

- (a) seorang Islam;
- (b) seorang yang sihat dan sempurna akal;
- (c) bukanlah seseorang yang *mahjur alaih* dalam menguruskan harta dan bukan seorang yang bankrap;
- (d) berumur yang melayakkan dia untuk bertindak dan bertanggungjawab kepada OKU, OTB dan kanak-kanak itu;
- (e) seorang yang sihat tubuh badan;
- (f) berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah;
- (g) bukanlah seorang kanak-kanak lain atau seorang yang disahkan sebagai OKU atau OTB itu;
- (h) seorang yang lazim dipercayai dan diyakini boleh bertindak atas kepentingan kanak-kanak, OKU dan OTB itu;
- (i) seorang yang mempunyai maklumat atau keupayaan dalam menjaga kebajikan dan kepentingan OKU, OTB atau kanak-kanak itu;
- (j) seorang yang mempunyai kepentingan yang berlawanan (*adverse interest*) dengan kanak-kanak, OKU atau OTB itu; dan

- (k) Pegawai/ kakitangan yang menjadi penjaga bagi kanak-kanak yang ditempatkan di pusat jagaan kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau pusat jagaan persendirian boleh dilantik sebagai penjaga *ad litem* bagi kanak-kanak itu; adalah—
- i. Pegawai/ kakitangan yang menjadi penjaga bagi OTB yang ditempatkan di pusat jagaan OKU Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau pusat jagaan OKU persendirian boleh dilantik sebagai penjaga *ad litem* bagi OTB itu;
 - ii. Mana-mana orang yang diperintahkan oleh mahkamah untuk menjadi penjaga atau menjadi pemegang amanah kepada harta kanak-kanak atau OTB boleh dilantik menjadi penjaga *ad litem* bagi kanak-kanak atau OTB itu; atau
 - iii. Kanak-kanak yang telah berupaya dan bijak untuk membuat pilihan penjaga *ad litem* bagi dirinya bolehlah dipertimbangkan pilihannya itu dengan mengambil kira kebajikan dan hubungannya dengan penjaga *ad litem* yang ingin dilantik itu.

BAHAGIAN 5 – PRASYARAT TAMBAHAN

4. (1) Penjaga *ad litem* harus bersifat tidak memihak, berintegriti dan objektif dalam menjalankan tugas. Mereka harus bertindak secara objektif dan tidak dipengaruhi oleh kepentingan peribadi atau pihak lain dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan kepentingan OKU, OTB dan kanak-kanak.

(2) Penjaga *ad litem* harus memiliki kemahiran komunikasi yang baik untuk berinteraksi dengan OKU, OTB dan kanak-kanak serta dengan pelbagai pihak yang terlibat dalam proses undang-undang.

(3) Mana-mana orang yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan seperti kesejahteraan kanak-kanak, psikologi kanak-kanak, hak-hak OKU, OTB dan kanak-kanak, keselamatan dan perlindungan juga boleh menjadi pertimbangan dalam penentuan penjaga *ad litem*. Rekod kerja dan pengetahuan mengenai proses perlindungan kanak-kanak yang baik juga akan memberikan nilai tambah kepada calon penjaga *ad litem*.

BAHAGIAN 6 – PELANTIKAN

5. Pelantikan boleh dibuat oleh mahkamah pada awal prosiding atau pada mana-mana peringkat yang dianggap perlu berdasarkan permohonan daripada pihak-pihak atau peguam syarie.

BAHAGIAN 7 - TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

6. Tugas dan tanggungjawab penjaga *ad litem* adalah seperti yang berikut:

- (a) Mewakili dan melindungi kepentingan terbaik OKU, OTB dan kanak-kanak sebagai pihak yang menuntut;
- (b) Mengumpul maklumat dan bukti yang berkaitan;
- (c) Menjalankan interaksi dengan OKU, OTB, kanak-kanak dan pihak-pihak;
- (d) Menghadiri semua prosiding mahkamah;

- (e) Membantu menyelesaikan masalah melalui sulh dengan memastikan kepentingan OKU, OTB dan kanak-kanak mendapat perhatian yang sewajarnya;
- (f) Memfailkan pembelaan atau dokumen-dokumen yang berkaitan;
- (g) Membuat penilaian dan pemantauan pelaksanaan perintah; dan
- (h) Mematuhi etika professional termasuk kerahsiaan, keadilan dan kepentingan OKU, OTB dan kanak-kanak.

BAHAGIAN 8 – PELAKSANAAN

7. (1) Suatu perintah *ad litem* yang melibatkan OKU, OTB dan kanak-kanak, yang telah dikeluarkan boleh diguna pakai bagi semua kes induk dalam semua peringkat mahkamah selagi mana ianya tidak dibatalkan.

(2) Perintah *ad litem* yang melibatkan OKU, OTB dan kanak-kanak dari mana-mana negeri boleh diterima dan diteruskan penguatkuasaannya di negeri lain secara bersaling atau melalui satu proses yang lebih mudah.

(3) Jika terdapat pertikaian berkaitan dengan kelayakan penjaga atas perintah *ad litem* negeri lain maka ia juga boleh dicabar, dibatal atau diubah perintah di negeri yang mengendorskan perintah *ad litem* tersebut seolah-olah ia dikeluarkan oleh mahkamah negeri itu.

(4) Suatu serahan notis rayuan atau apa-apa penyampaian dokumen di peringkat semakan atau rayuan atau mana-mana kes induk bolehlah mengguna pakai perintah *ad litem* yang telah dikeluarkan sehingga ia sah dibatalkan.



Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(45)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2023

KEPERLUAN KHAS DALAM MENENTUKAN KADAR NAFKAH ANAK BERSTATUS ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Keperluan Khas dalam Menentukan Kadar Nafkah Anak Berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) dengan mengambil kira kriteria yang berikut:

- i. Kategori ketidakupayaan;
- ii. Nafkah/ perubatan khas/ disiplin perubatan;
- iii. Kos perubatan awam/ hospital kerajaan/ pusat rehabilitasi/ klinik pakar pediatrik;
- iv. Kos perubatan persendirian atau swasta; dan
- v. Keperluan tambahan dan lain-lain keperluan khas yang berkaitan.

Mahkamah hendaklah mengutamakan keperluan khas di atas sebagaimana contoh di Lampiran.

2. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama Arahan Amalan No. 5 Tahun 2019 dan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2022.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

PUTRAJAYA

**CONTOH KEPERLUAN KHAS BAGI SEBAHAGIAN KATEGORI
KETIDAKUPAYAAN**

KATEGORI KETIDAKUPAYAAN (TRO/ PELBAGAI)	NAFKAH PERUBATAN/ KHAS/ DISIPLIN PERUBATAN	KOS PERUBATAN AWAM/ HOSPITAL KERAJAAN/ PUSAT REHABILITASI/ KLINIK PAKAR PAEDIATRIK (RM)	KOS PERUBATAN PERSENDIRIAN/ SWASTA (RM)	KEPERLUAN TAMBAHAN
<i>Autistic Syndrome Disorder (ASD)</i>	<i>Behaviour Therapy Speech Therapy Occupational Therapy</i>	5.00/ 1.00 (setiap sesi)	Tiada had (Anggaran dari 90.00-150.00 setiap 1 jam)	PPKI/ PDK ¹
<i>Speech Delay Syndrome Disorder (SDSD)</i>	<i>Speech Therapy</i>	5.00/ 1.00 (setiap sesi)	Tiada had 90.00-150.00 setiap 1 jam)	PPKI/PDK
<i>Global Delay Disorder (GDD)</i>	<i>Behaviour Therapy Speech Therapy Occupational Therapy</i>	5.00/ 1.00 (setiap sesi)	Tiada had 90.00-150.00 setiap 1 jam)	PPKI/ PDK
<i>Prader Willi Syndrome (PSD)</i>	<i>Food Therapy</i>	5.00/ 1.00 (setiap sesi)	Tiada had 90.00-150.00 setiap 1 jam)	Makanan tambahan kesihatan/susu
<i>Syndrome Down</i>	<i>Behaviour Therapy</i>	5.00/ 1.00 (setiap sesi)	Caj Yuran Pusat Jagaan/Asuhan	PPKI/ PDK
<i>Cerebral Palsy Syndrome (CPS)</i>	<i>Motor Therapy Balance Therapy Occupational Therapy</i>	5.00/ 1.00 (setiap sesi)	Caj Yuran Pusat Jagaan/ Asuhan	Makanan tambahan kesihatan/ susu

¹ PPKI : Program Pendidikan Khas Integrasi
PDK : Pemulihan dalam Komuniti



جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(46)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2023

**PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN
JURUBAHASA ISYARAT BERTAULIAH DALAM PERBICARAAN
KES *MAL* DAN JENAYAH BAGI ORANG KURANG UPAYA (OKU)
KATEGORI PEKAK DAN BISU, DAN PENTERJEMAH BERTAULIAH
BAGI ORANG YANG TIDAK BOLEH BERTUTUR
DALAM BAHASA KEBANGSAAN**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Pemakaian Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertauliah dalam Perbicaraan Kes *Mal* dan Jenayah bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Pekak dan Bisu, dan Penterjemah Bertauliah bagi Orang yang Tidak Boleh Bertutur dalam Bahasa Kebangsaan sepertimana di Lampiran.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN
JURUBAHASA ISYARAT BERTAULIAH DALAM PERBICARAAN KES *MAL* DAN
JENAYAH BAGI ORANG KURANG UPAYA (OKU) KATEGORI PEKAK DAN
BISU, DAN PENTERJEMAH BERTAULIAH BAGI ORANG YANG TIDAK BOLEH
BERTUTUR DALAM BAHASA KEBANGSAAN**

BAHAGIAN 1 - NAMA

1. Garis Panduan ini bolehlah dinamakan Arahan Amalan Penggunaan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertauliah dalam Perbicaraan Kes *Mal* dan Jenayah bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Pekak dan Bisu, dan Penterjemah Bertauliah bagi Orang yang Tidak Boleh Bertutur dalam Bahasa Kebangsaan dan terpakai di mahkamah syariah negeri-negeri.

BAHAGIAN 2 – TAFSIRAN

1. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

“bahasa asing” ertinya bahasa selain Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan;

“bisu” ertinya seseorang yang tidak boleh bercakap atau bertutur seperti manusia normal sama ada sejak lahir, akibat daripada kemalangan atau kesan prosedur perubatan;

“Jurubahasa Isyarat Bertauliah” ertinya seseorang yang diperakui dan diiktiraf oleh mana-mana badan atau agensi yang diiktiraf untuk menterjemahkan perkataan-perkataan kepada isyarat-isyarat;

“orang kurang upaya” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*], iaitu seperti yang berikut:

“termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”.

“pekak” ertinya seseorang yang tidak boleh mendengar atau mempunyai masalah pendengaran sejak lahir, akibat daripada kemalangan atau kesan prosedur perubatan; dan

“Penterjemah Bertauliah” ertinya seseorang yang diperakui dan diiktiraf oleh mana-mana badan atau agensi untuk menterjemahkan perkataan-perkataan bahasa asing ke Bahasa Kebangsaan dengan kebenaran mahkamah.

BAHAGIAN 3 – PEMAKAIAN

2. (1) Garis Panduan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana peringkat pengurusan, prosiding kes *mal* dan jenayah di mahkamah yang melibatkan OKU kategori pekak dan bisu, dan pihak-pihak yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Kebangsaan.

(2) Suatu permohonan hendaklah dibuat untuk mendapatkan kebenaran mahkamah bagi mendapatkan perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertauliah berdasarkan Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-Negeri atau Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Jenayah Syariah/ Prosedur Jenayah Syariah Negeri-Negeri.

(3) Suatu permohonan hendaklah dibuat untuk mendapatkan kebenaran mahkamah bagi mendapatkan perkhidmatan Penterjemah Bertauliah atau penterjemah bahasa asing berdasarkan Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* atau

Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Jenayah/ Prosedur Jenayah Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

BAHAGIAN 4 - ARAHAN HAKIM ATAU PENDAFTAR

3. (1) Hakim atau Pendaftar boleh mengarahkan apa-apa kausa atau perkara di bawah Arahan Amalan ini didengar atau mana-mana prosiding dijalankan bagi perbicaraan yang melibatkan golongan OKU kategori pekak dan bisu atau melibatkan orang yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Kebangsaan .

(2) Jika suatu dokumen asing dikemukakan ke mahkamah, hakim atau pendaftar boleh mengarahkan dokumen asing tersebut diterjemahkan ke Bahasa Kebangsaan.

(3) Hakim atau pendaftar boleh membenarkan suatu permohonan yang dibuat berkaitan subperenggan (2) oleh pihak-pihak atau Peguam Syarie yang mewakili pihak-pihak.

(4) Jika suatu prosiding perbicaraan melibatkan saksi OKU kategori pekak atau bisu atau melibatkan orang yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Kebangsaan, Garis Panduan ini hendaklah diguna pakai sewajarnya bersesuaian dengan kehendak subperenggan 4(1).

BAHAGIAN 5 - TINDAKAN PEGUAM SYARIE ATAU PIHAK-PIHAK

4. (1) Peguam Syarie yang mewakili pihak-pihak boleh memohon kepada hakim atau pendaftar secara lisan atau bertulis bagi suatu kebenaran mendapatkan khidmat Jurubahasa Isyarat Bertauliah bagi pihak anak guam OKU kategori pekak dan bisu dalam prosiding yang diwakili.

(2) Peguam Syarie yang mewakili pihak-pihak boleh memohon kepada hakim atau pendaftar secara lisan atau bertulis bagi suatu kebenaran mendapatkan khidmat Penterjemah Bertauliah bagi pihak anak guam yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Kebangsaan untuk perbicaraan atau penterjemahan dokumen asing dalam prosiding yang diwakili.

(3) Pihak-pihak dalam kategori OKU pekak dan bisu yang tidak diwakili Peguam Syarie boleh memohon kepada Hakim atau Pendaftar secara lisan atau bertulis bagi suatu kebenaran mendapatkan khidmat Jurubahasa Isyarat Bertauliah.

(4) Pihak-pihak yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Kebangsaan, yang tidak diwakili Peguam Syarie boleh memohon kepada Hakim atau Pendaftar secara lisan atau bertulis bagi suatu kebenaran mendapatkan khidmat Penterjemah Bertauliah untuk perbicaraan atau penterjemahan dokumen bahasa asing.

(5) Peguam Syarie atau pihak-pihak hendaklah mengemukakan nama, pengenalan diri dan kelayakan Jurubahasa Isyarat Bertauliah atau Penterjemah Bertauliah dan apa-apa dokumen yang perlu dengan apa-apa cara yang patut apabila diminta oleh mahkamah.

BAHAGIAN 6 - PELAKSANAAN OLEH HAKIM ATAU PENDAFTAR

5. Dalam menjalankan pelaksanaan di bawah subperenggan 4(1), Hakim atau Pendaftar hendaklah memberi perhatian atau pertimbangan kepada Jurubahasa Isyarat Bertauliah atau Penterjemah Bertauliah yang dicadangkan dalam Jadual di bawah:

JURUBAHASA ISYARAT BERTAULIAH	Persatuan Persekutuan Orang Pekak Malaysia
	Persatuan Bahasa Isyarat dan Pengajian Pekak Malaysia
	Pegawai/ kakitangan yang berkemahiran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

	Mana-mana orang yang mempunyai sijil kemahiran daripada institusi/ persatuan/ pertubuhan yang diiktiraf Kerajaan.
	Mana-mana orang yang mempunyai kemahiran yang diiktiraf dan dilantik oleh mahkamah
PENTERJEMAH BERTAULIAH	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM)
	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
	Persatuan Penterjemah Malaysia
	Penterjemah/ Jurubahasa
	Syarikat/ konsultan penterjemahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau mahkamah
	Mana-mana orang yang mempunyai sijil kemahiran daripada institusi/ persatuan/ pertubuhan yang diiktiraf oleh Kerajaan
	Mana-mana orang yang mempunyai kemahiran yang diiktiraf dan dilantik oleh mahkamah

BAHAGIAN 7 – KOS

6. Apa-apa kos daripada pelaksanaan Garis Panduan ini—
- (a) Kes *mal* hendaklah ditanggung oleh pihak-pihak; atau
 - (b) Kes jenayah hendaklah ditanggung oleh Kerajaan.



جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(47)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 9 TAHUN 2023

PENENTUAN BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH YANG MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN KES PENGESAHAN NIKAH TANPA KEBENARAN

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Penentuan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah yang Mendengar dan Memutuskan Kes Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran hendaklah didengar dan diputuskan di mahkamah yang berbidang kuasa pada masa kesalahan tersebut dilakukan sepertimana yang berikut:

- (a) Pengesahan nikah tanpa kebenaran bagi lelaki/ perempuan yang bermastautin di Malaysia, hendaklah didengar dan diputuskan di tempat lelaki/ perempuan itu bermastautin ketika pernikahan dilangsungkan.
- (b) Pengesahan nikah poligami tanpa kebenaran bagi lelaki yang bermastautin di Malaysia, hendaklah didengar dan diputuskan di tempat lelaki itu bermastautin ketika pernikahan dilangsungkan.

- (c) Pengesahan nikah tanpa kebenaran/ poligami tanpa kebenaran bagi lelaki yang tinggal/ bermastautin di Malaysia dengan perempuan yang tidak tinggal/ tidak bermastautin di Malaysia, hendaklah didengar dan diputuskan di tempat tinggal/ bermastautin lelaki ketika pernikahan/ poligami tersebut dilangsungkan.
- (d) Pengesahan nikah tanpa kebenaran/ poligami tanpa kebenaran bagi lelaki yang tidak tinggal/ tidak bermastautin di Malaysia dengan perempuan yang tinggal/ bermastautin di Malaysia hendaklah didengar dan diputuskan di tempat tinggal/ mastautin perempuan ketika pernikahan/ poligami tersebut dilangsungkan.
2. Arahan Amalan ini terpakai bagi kod kes baharu E-Syariah Versi 3 yang menggunakan kod 131 (Permohonan Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran di Luar Negara), kod 132 (Permohonan Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran di dalam Negara), kod 133 (Permohonan Pengesahan Nikah Poligami Tanpa Kebenaran di Luar Negara) dan kod 134 (Permohonan Pengesahan Nikah Poligami Tanpa Kebenaran di dalam Negara).

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جابتن كحاکيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(48)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 10 TAHUN 2023

GALAKAN UNTUK MELANTIK PEGUAM SYARIE DALAM PROSIDING KES YANG MELIBATKAN PERBICARAAN, RAYUAN DAN SEMAKAN

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Galakan untuk Melantik Peguam Syarie dalam Prosiding Kes di Mahkamah Rendah Syariah/ Mahkamah Tinggi Syariah/ Mahkamah Rayuan Syariah khususnya yang melibatkan prosiding perbicaraan, rayuan dan semakan.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جابتن كحاکيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(49)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 11 TAHUN 2023

PEMAKAIAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (STANDARD OPERATION PROCEDURE – SOP) PELAKSANAAN HUKUMAN SEBATAN DI LUAR PENJARA BAGI PESALAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan prosedur serta pelaksanaan hukuman sebatan di luar penjara bagi pesalah syariah hendaklah berpandukan Prosedur Operasi Standard (Standard Operation Procedure - SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatan di Luar Penjara bagi Pesalah Syariah yang telah ditetapkan sepertimana di Lampiran.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جابتن كحاكيمان شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(50)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 12 TAHUN 2023

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PERINTAH KEHADIRAN WAJIB (PKW) BAGI PESALAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan tatacara perintah dan prosedur menjatuhkan hukuman serta pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) di bawah Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 [Akta 461] (Pindaan) 2022 dengan berpandukan Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) bagi Pesalah Syariah yang telah ditetapkan sepertimana di Lampiran 1 dan Lampiran 2.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

**LAMPIRAN ARAHAN
AMALAN NO. 11 TAHUN
2023 JABATAN
KEHAKIMAN SYARIAH
MALAYSIA (JKSM)**



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAKSANAAN HUKUMAN SEBATAN DI LUAR PENJARA BAGI PESALAH SYARIAH





PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAKSANAAN HUKUMAN SEBATAN DI LUAR PENJARA BAGI PESALAH SYARIAH

BAGI PESALAH SYARIAH

KANDUNGAN

TAJUK	Muka Surat
Kata-Kata Aluan YB Senator Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)	IV
Kata-Kata Aluan Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)	V
Kata-Kata Aluan Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	VII
Kata-kata Aluan Komisioner Jeneral Penjara Jabatan Penjara Malaysia (JPM)	VIII
Latar Belakang Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure (SOP)) Pelaksanaan Hukuman Sebatan Di Luar Penjara Bagi Pesalah Syariah	XI
1. Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatan Di Luar Penjara bagi Pesalah Syariah	1
2. Jadual Pertama: Singkatan & Proses Kerja	21
i. Singkatan	23
ii. Proses Kerja 1: Hakim Menjatuhkan Hukuman ke atas Pesalah	24
iii. Proses Kerja 2: Prosiding Hakim Menetapkan Tarikh, Masa dan Tempat Pelaksanaan Hukuman	25
iv. Proses Kerja 3: Tindakan pada hari Pelaksanaan Hukuman	26
v. Proses Kerja 4: Prosiding Di Mahkamah: Pesalah Ingkar/gagal Hadir tanpa Sebarang Alasan pada Hari Pelaksanaan Hukuman	33
vi. Proses Kerja 5: Prosiding Di Mahkamah: Hukuman Sebatan Ditangguhkan Sebagaimana Subseksyen 125(3)(j)&(5) Akta 560 Atau Mana-Mana Undang-Undang Bertulis Negeri-Negeri Berkaitan	35

TAJUK	Muka Surat
3. Jadual Kedua: Carta Alir	37
i. Carta Alir 1: Hakim Menjatuhkan Hukuman ke atas Pesalah	39
ii. Carta Alir 2: Prosiding Hakim Menetapkan Tarikh, Masa dan Tempat Pelaksanaan Hukuman	40
iii. Carta Alir 3: Tindakan pada hari Pelaksanaan Hukuman	41
iv. Carta Alir 4: Prosiding Di Mahkamah: Pesalah Ingkar/Gagal Hadir tanpa Sebarang Alasan pada Hari Pelaksanaan Hukuman	45
v. Carta Alir 5: Prosiding Di Mahkamah: Hukuman Sebatan Ditangguhkan Sebagaimana Subseksyen 125(3)(j)&(5) Akta 560 atau Mana-Mana Undang-Undang Bertulis Negeri-Negeri Berkaitan	46
4. Jadual Ketiga: Borang-Borang	47
Penghargaan	65



Kata-kata Aluan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, saya rafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah Rabbal Alamin. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkahnya hingga ke hari kesudahan.

Tahniah kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri (JKSN)/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri (MSN) yang telah berjaya menerbitkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatan Di Luar Penjara Bagi Pesalah Jenayah Syariah. Saya ucapkan terima kasih kepada Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atas kerjasama bagi merealisasikan kewujudan SOP tersebut.

Kejayaan mewujudkan SOP atas dokongan JKSM selaku agensi penyelaras institusi kehakiman syariah yang terunggul di Malaysia adalah wajar diberi pujian kerana ianya akan menjadi panduan kepada pelbagai agensi pelaksana seluruh negara yang melaksanakan hukuman sebatan di luar penjara atas pesalah jenayah syariah agar berjalan dengan lancar dan yang lebih penting mematuhi aspek undang-undang dan hukum syarak.

Justeru, besar harapan saya agar dokumen Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatan Di Luar Penjara Bagi Pesalah Jenayah Syariah yang diterbitkan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya, digunakan dan dilaksanakan dengan sebaiknya oleh MSN dan agensi-agensi yang berkaitan.

Sekian, wassalam.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah.

YB SENATOR TUAN HJ IDRIS BIN AHMAD
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)



Kata-kata Aluan Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan besar yang mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda dan seluruh para sahabat.

Saya bersyukur kepada Allah atas kurnianNya jua, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri (JKSN), Mahkamah Syariah Negeri-Negeri (MSN) dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dapat menerbitkan secara bertulis Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure (SOP)) Pelaksanaan Hukuman Sebatan Di Luar Penjara Bagi Pesalah Syariah.

Saya merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga di atas penglibatan secara langsung YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri di dalam beberapa siri bengkel, mesyuarat dan sebagainya sehinggalah SOP ini diluluskan dan dimuktamadkan melalui persetujuan YAA-YAA Ketua Hakim Syarie Negeri di dalam Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali ke-75 Bil. 3 yang diadakan pada 3-5 Oktober 2020 di Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim. Pemuafakatan ini menjadi langkah terbaik kearah penyeragaman dan penyelarasan bersama JKSM, JKSN dan MSN.

Setinggi-tinggi tahniah jua dan penghargaan kepada tenaga kerja yang dianggotai oleh para Pegawai Syariah daripada JKSM, JKSN/ MSN, JAPENS, Pegawai-pegawai JPM dan KKM yang telah menunjukkan komitmen luar biasa dengan melaksanakan kerja secara bersungguh-sungguh sama ada mengkaji, menggabungkan idea serta memerah tenaga dan usaha demi memastikan dokumen ini dijayakan.

SOP ini secara ringkasnya mengandungi panduan kerja untuk semua agensi yang berkaitan antaranya Mahkamah Syariah, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), JPM dan KKM bagi melaksanakan hukuman sebatan di luar penjara bagi pesalah jenayah syariah. Kepentingan SOP ini tidak dapat disangkal kerana hukuman sebatan yang

dilaksanakan di luar penjara melalui SOP ini akan memastikan pelaksanaannya memenuhi maqasid al-shariah antaranya memelihara kepentingan agama (*Hifz al-Dīn*), nyawa (*Hifz al-Nafs*) dan keturunan (*Hifz al-Nasl*) sebagaimana kehendak hukum syarak dan seksyen 125 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560] atau yang seumpamanya di negeri-negeri.

Semoga inisiatif, usaha dan komitmen JKSM, JKSN, MSN seluruh Malaysia, JPM dan KKM menerima pakai seterusnya melaksanakan SOP ini akan memberi impak positif kepada perundangan Syariah di Malaysia khususnya dan seluruh umat Islam umumnya.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"SYARIAH ASAS KEADILAN"

Saya yang menjalankan amanah.

YAA DATO' SETIA DR. MOHD. NA'IM BIN HJ MOKHTAR
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)



Kata-kata Aluan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Segala puji bagi Allah serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang mulia atas segala nikmat kepada kita semua.

Pertamanya saya ingin merakamkan tahniah kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang telah berjaya menerbitkan buku Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatan Di Luar Penjara Ke atas Pesalah Syariah.

Manual bertulis ini akan memudahkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pejabat-pejabat Kesihatan Daerah memberikan kerjasama membantu Mahkamah Syariah dan Jabatan Penjara Malaysia di dalam melaksanakan hukuman sebatan di luar penjara.

Selain hukuman sebagaimana perintah mahkamah dapat dilaksanakan, keutamaan kami ialah memastikan kebajikan pesalah dari segi kesihatan terpelihara selaras dengan peruntukan undang-undang dan semoga buku Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatan Di Luar Penjara Ke atas Pesalah Syariah ini dapat memastikan ianya dicapai.

Semoga usaha ini diberkati.

"WAWASAN KE MAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia



Kata-kata Aluan Komisioner Jeneral Penjara Jabatan Penjara Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Segala puji bagi Allah SWT serta selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang mulia atas segala nikmat kepada kita semua.

Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang telah mengambil inisiatif menyediakan suatu dokumen bertulis bagi tujuan penyeragaman dan penyelarasan pelaksanaan hukuman sebatan di luar penjara ke atas pesalah jenayah syariah di seluruh Malaysia. Terima kasih jua kerana telah menjemput para pegawai di Jabatan Penjara Malaysia untuk sama-sama memberikan idea merangka SOP ini.

Sebagai sebuah agensi pelaksana hukuman, kami sentiasa memberikan komitmen padu dalam melaksanakan hukuman sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah. Melalui SOP ini, kami percaya pelaksanaan hukuman sebatan di luar penjara ke atas pesalah jenayah syariah akan dapat dilaksanakan di seluruh Malaysia secara teratur dan seragam tanpa mengeneipkan mana-mana peruntukan undang-undang dan hak kemanusiaan.

Hakikatnya, kolaborasi seperti ini amat besar nilainya kepada Jabatan Penjara Malaysia dan kami sentiasa mengalu-alukan usaha berterusan JKSM untuk bekerjasama erat dengan Jabatan Penjara Malaysia dalam pelbagai bentuk bagi memastikan hasrat dan objektif hukuman ke atas pesalah jenayah syariah dapat dicapai demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan semua pihak terpelihara.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah.

YBHG. KJP DATO' HAJI NORDIN BIN HAJI MUHAMAD
Komisioner Jeneral Penjara
Jabatan Penjara Malaysia

**Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah,
Hakim Rayuan
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)**

**Ketua Hakim Syarie
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI/ MAHKAMAH SYARIAH
NEGERI SELURUH MALAYSIA**





LATAR BELAKANG
PROSEDUR OPERASI
STANDARD (SOP)
PELAKSANAAN HUKUMAN
SEBATAN DI LUAR PENJARA
BAGI PESALAH SYARIAH

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAKSANAAN HUKUMAN SEBATAN DI LUAR PENJARA BAGI PESALAH SYARIAH

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Hukuman sebat merupakan salah satu bentuk hukuman yang diperuntukkan di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [*Akta 559*] atau undang-undang berkaitan di negeri-negeri¹.
- 1.2 Tempat di mana pelaksanaan hukuman tersebut hendaklah dijalankan telah diperuntukkan di bawah perenggan 125(3)(c) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [*Akta 560*] atau sebagaimana peruntukan di dalam enakmen berkaitan di negeri-negeri². Melalui peruntukan tersebut, Mahkamah telah diberikan kuasa untuk menentukan tempat pelaksanaan hukuman iaitu di mana-mana tempat yang bersesuaian, antaranya ialah di Mahkamah Syariah tempat di mana kesalahan itu disabitkan atau di mana-mana lokasi yang difikirkan wajar oleh Hakim Bicara.
- 1.3 Terdapat Mahkamah Tinggi Syariah di beberapa buah negeri yang telah memerintahkan hukuman sebatan di luar penjara. Pelaksanaan hukuman tersebut telah dijalankan berdasarkan arahan pentadbiran mahkamah tersebut dan ianya berbeza antara satu sama lain.
- 1.4 Oleh kerana pelaksanaan hukuman sebatan di luar penjara melibatkan pelbagai agensi iaitu Jabatan Penjara Malaysia (JPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (JPM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Agama Islam Negeri Negeri (JAIN), maka satu SOP yang seragam diwujudkan bagi membantu Mahkamah Syariah serta agensi-agensi berkaitan melaksanakan tugas pelaksanaan hukuman secara lebih teratur, efektif, berkesan dan seragam di seluruh Malaysia.

¹ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 (Johor), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Kelantan), Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 (Pahang), Enakmen Kesalahan jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996, Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 (Perak), Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (Perlis), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 (Sabah), Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001.

² Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Kelantan), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, EnakmenTatacara Jenayah Syariah 2002 (Pahang), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perak) 2004, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2006 (Perlis), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2004 (Sabah), Ordinan Tatacara Jenayah Syariah 2001 (Sarawak), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001.

- 1.5 SOP ini telah dibincangkan secara bersama antara Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri (JKSN), Mahkamah Syariah Negeri-Negeri (MSN), Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 1.6 Bagi tujuan pelaksanaannya di seluruh Malaysia, SOP ini telah diluluskan, dimuktamadkan dan dipersetujui YAA-YAA Ketua Hakim Syarie Negeri di dalam Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali ke- 75 Bil. 3 yang diadakan pada 3-5 Oktober 2020 di Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.

2. SKOP

- 2.1 SOP ini menjelaskan amalan-amalan yang mesti dipatuhi untuk menguruskan pelaksanaan hukuman sebat yang dilaksanakan di hadapan Mahkamah atau di mana-mana tempat yang diarahkan oleh Mahkamah selain di penjara, supaya ianya bertepatan dengan hukum syarak dan undang-undang.
- 2.2 Ianya juga sebagai panduan pelaksanaan hukuman sebatan di luar penjara ke atas pesalah yang dijatuhkan hukuman sebatan sahaja, dan/ atau ketika hukuman sebatan dilaksanakan, pesalah tersebut tidak menjalani hukuman pemenjaraan.

3. KANDUNGAN UMUM PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

- 3.1 Secara umumnya draf Prosedur Operasi Standard (SOP) ini mengandungi enam (6) fasal utama dan tiga (3) Jadual iaitu;
 - i. Jadual Pertama: Singkatan dan Proses Kerja;
 - ii. Jadual Kedua: Lima (5) carta alir; dan
 - iii. Jadual Ketiga: Sebelas (11) borang-borang.

4. PENUTUP

Justeru, Prosedur bagi Pesalah Syariah Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatan Di Luar Penjara secara praktiknya akan memastikan pelaksanaan hukuman sebatan yang diperintahkan Hakim Syarie dilaksanakan secara sistematik dan seragam oleh semua agensi berkaitan di seluruh Malaysia.



PROSEDUR OPERASI
STANDARD (SOP)
PELAKSANAAN HUKUMAN
SEBATAN DI LUAR PENJARA
BAGI PESALAH SYARIAH

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAKSANAAN HUKUMAN SEBATAN DI LUAR PENJARA BAGI PESALAH SYARIAH

PERKARA

1. Nama
2. Tafsiran
3. Orang yang dikehendaki hadir
4. Keperluan dan persediaan hukuman sebat
5. Tugas dan tanggungjawab umum agensi dan pegawai pelaksana hukuman
6. Pelaksanaan hukuman

JADUAL PERTAMA (Singkatan dan Proses Kerja)

JADUAL KEDUA (Carta Alir)

JADUAL KETIGA (Borang-Borang)

No. Borang	Tajuk Borang
1.	Waran Penahanan
2.	Waran Hukuman Penjara
3.	Waran Tangkap
4.	Bon Kehadiran Pesalah
5.	Notis Penetapan Tempat Pelaksanaan Hukuman Sebat
6.	Surat Pemakluman kepada Penjara
7.	Surat Pemakluman kepada Pegawai Kesihatan Daerah
8.	Waran Pelaksanaan Hukuman Sebatan
9.	Pengesahan Tiada Rayuan Terhadap Hukuman atau Tempoh Rayuan Telah Tamat
10.	(a) Borang Saringan Kesihatan Pesalah (b) Borang Pemeriksaan Kesihatan Pesalah Sebelum Hukuman (c) Borang Rujukan ke Klinik Kesihatan/Hospital
11.	Borang Pemeriksaan Kesihatan Pesalah Ketika*/Selepas Hukuman (<i>*jika pegawai perubatan berpendapat pesalah perlu diperiksa ketika sebatan masih berbaki</i>)

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAKSANAAN HUKUMAN SEBATAN DI LUAR PENJARA BAGI PESALAH SYARIAH

Nama

- (1) Prosedur operasi standard ini bolehlah dinamakan sebagai Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatan di Luar Penjara Bagi Pesalah Jenayah Syariah.
- (2) SOP ini sebagai garis panduan kepada Mahkamah yang berbidang kuasa di Wilayah-Wilayah Persekutuan atau di negeri-negeri bagi melaksanakan hukuman sebat di hadapan Mahkamah atau di mana-mana tempat yang diarahkan oleh Mahkamah selain di penjara bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [*Akta 559*] atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan¹.
- (3) SOP ini mengandungi proses kerja di Jadual Pertama, carta alir di Jadual Kedua dan borang-borang berkenaan di Jadual Ketiga.

Tafsiran

- Dalam SOP ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain–

“agensi pelaksana” ertinya Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia;

“agensi penguat kuasa” ertinya Bahagian atau Unit Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM);

“Akta Penjara” ertinya Akta Penjara 1995 [*Akta 537*];

“Akta Pentadbiran” ertinya Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*]²;

¹ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 (Johor), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Kelantan), Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 (Pahang), Enakmen Kesalahan jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996, Enak. Jenayah (Syariah) 1992 (Perak), Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (Perlis), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 (Sabah), Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.

² Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

“*Chaperon*” atau “peneman” ertinya mana-mana pegawai atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang terdiri daripada anggota Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengiringi Pegawai Perubatan Kerajaan ketika pemeriksaan dibuat ke atas pesalah;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 Akta Pentadbiran atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan³;

“Pegawai Mahkamah” ertinya apa-apa perjawatan yang diwujudkan di Mahkamah yang telah dilantik di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

“Pegawai Keselamatan Mahkamah” ertinya Polis Bantuan yang bertugas di Mahkamah termasuklah Polis Diraja Malaysia;

“Pegawai Perubatan Kerajaan” ertinya pegawai perubatan berdaftar yang dilantik di bawah seksyen 2 Akta Perubatan 1971 [Akta 50];

“Pegawai Penjara” ertinya seseorang kakitangan berpakaian seragam jabatan penjara daripada dan termasuklah pangkat Komisioner Jeneral Penjara ke bawah sehingga dan termasuklah Wadar sebagaimana seksyen 2 Akta Penjara;

“Pegawai Sebat” ertinya Pegawai Jabatan Penjara yang dilantik oleh Komisioner Jeneral Penjara dan bertanggungjawab melaksanakan hukuman sebat;

“Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, atau Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah seksyen 45 Akta Pentadbiran atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan⁴;

³ Seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, Seksyen 3 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, Seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), Seksyen 43 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Seksyen 42 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang), Seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Seksyen 44 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), Seksyen 4 Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), Seksyen 3 Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak), Seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Seksyen 4 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

⁴ Seksyen 60 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, Seksyen 19 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, Subseksyen 7(1)(d) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), Seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Seksyen 60 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Seksyen 46 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) 2015 (Pahang), Seksyen 60 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Seksyen 15 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, Seksyen 60 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), Seksyen 10 Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), Seksyen 9 Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak), Seksyen 60 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Seksyen 10 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

“Pendakwa Syarie” ertinya seorang pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 58(3) Akta Pentadbiran atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan⁵; dan

“pesalah” ertinya pihak yang telah disabitkan kesalahan, telah dijatuhi hukuman sebat di luar penjara tanpa dipenjarakan di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri⁶ dan ketika hukuman dijatuhkan bukanlah seorang banduan yang sedang ditahan di mana-mana penjara.

Orang yang dikehendaki hadir

3. Selain daripada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam SOP ini, tertakluk pada perintah Mahkamah, pelaksanaan hukuman sebat hendaklah disaksikan sekurang-kurangnya—

- (a) mana-mana Pegawai Kehakiman Syariah;
- (b) seorang Pendakwa Syarie; dan
- (c) orang yang difikirkan patut hadir oleh Mahkamah.

Keperluan dan persediaan hukuman sebat

4. Pelaksanaan hukuman sebat di hadapan Mahkamah atau di mana-mana tempat yang diperintahkan oleh Mahkamah selain di penjara hendaklah dilaksanakan setelah keperluan dan persediaan hukuman oleh Mahkamah dan agensi pelaksana atau agensi penguat kuasa telah dibuat—

- (1) Mahkamah yang mengarahkan hukuman dilaksanakan sama ada di Mahkamah itu atau di mana-mana tempat selain penjara, hendaklah memastikan dan menyediakan—

⁵ Subseksyen 78(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, subseksyen 44(3) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, Subseksyen 7(1)(c) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), Subseksyen 66(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Subseksyen 78(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Subseksyen 65(3) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang), Subseksyen 78(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Subseksyen 67(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Subseksyen 78(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), Subseksyen 30(3) Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), Subseksyen 26(3) Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak), Subseksyen 78(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Subseksyen 55(3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1442H/2001M.

⁶ Enakmen Kesalahan jenayah Syariah 1997 (Johor), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Kelantan), Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 (Pahang), Enakmen Kesalahan jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996, Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 (Perak), Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (Perlis), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 (Sabah), Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001.

- (a) Bilik Pemeriksaan Khas
 - (i) Bilik Pemeriksaan Khas yang tertutup disediakan sebagai tempat bagi Pegawai Perubatan Kerajaan menjalankan pemeriksaan kesihatan ke atas pesalah sebelum dan selepas sebatan dilaksanakan; dan
 - (ii) hendaklah dilengkapi dengan sebuah “*couch*” katil pemeriksaan pesalah, sebuah meja dan sekurang-kurangnya dua (2) buah kerusi.
- (b) Kerusi sebatan
 - (i) Kerusi sebatan sebagai tempat duduk pesalah wanita ketika menjalani hukuman sebat; dan
 - (ii) kerusi sebatan itu hendaklah mengikut spesifikasi yang telah ditentukan oleh Jabatan Penjara Malaysia.
- (c) Memilih dan melantik pegawai yang mencukupi
 - (i) Mahkamah hendaklah menyediakan pegawai mahkamah dan pegawai keselamatan mahkamah yang mencukupi bagi memastikan aspek keselamatan adalah terkawal di samping pematuhan terhadap peraturan, kod etika dan prosedur berkaitan dengan pelaksanaan hukuman; dan
 - (ii) pegawai mahkamah yang dilantik hendaklah diberikan taklimat atau penerangan mengenai tugas dan tanggungjawab masing-masing sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum pelaksanaan hukuman.
- (2) Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah hendaklah bertanggungjawab mengawal selia, memastikan dan menyediakan—
 - (a) Pegawai Perubatan Kerajaan
 - (i) Pegawai Perubatan Kerajaan akan ditemani “*chaperone*” mengikut jantina yang sesuai semasa pemeriksaan ke atas pesalah dibuat;
 - (ii) Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah mematuhi tarikh dan waktu kehadiran yang ditetapkan Mahkamah;
 - (iii) Pegawai Perubatan Kerajaan semasa hadir ke tempat pelaksanaan hukuman hendaklah mematuhi kod etika pakaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang bersesuaian; dan

- (iv) Pegawai Perubatan Kerajaan perlu mempamerkan kad pengenalan diri Jabatan dengan jelas.
- (b) Menyediakan peralatan pemeriksaan kesihatan
 - (i) Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah membawa bersamanya peralatan perubatan bagi tujuan pemeriksaan dan apa-apa tindakan patut yang perlu. Peralatan tersebut antaranya:
 - (A) Alat Pengukur Tekanan Darah (*sphygmomanometer*);
 - (B) *stethoscope*;
 - (C) *thermometer*;
 - (D) kit ujian kehamilan;
 - (E) apa-apa ujian, peralatan atau ubat yang difikirkan perlu.
 - dan
 - (ii) Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah memuaskan hatinya bahawa langkah berjaga-jaga telah diambil bagi memastikan segala peralatan berkaitan, disenggarakan dalam keadaan baik dan teratur.
- (3) Jabatan Penjara Malaysia hendaklah memastikan dan menyediakan–
 - (a) Pegawai Sebat–
 - (i) Pegawai Sebat adalah pegawai pelaksana hukuman yang beragama Islam dan hadir untuk melaksanakan hukuman di Mahkamah atau di mana-mana tempat hukuman selain di penjara;
 - (ii) Pegawai Sebat hendaklah bertanggungjawab menjalankan hukuman sebat dan dia dan Pegawai Penjara yang terlibat hendaklah membiasakan diri mereka sendiri dengan arahan untuk menjalankan hukuman berkenaan;
 - (iii) Pegawai Sebat hendaklah mematuhi tarikh dan waktu kehadiran yang ditetapkan setelah menerima pemakluman daripada Mahkamah;
 - (iv) Pegawai Sebat yang dipilih dan hadir ke tempat pelaksanaan hukuman hendaklah mengikut jantina pesalah yang menjalani hukuman; dan

- (v) sekiranya pada hari pelaksanaan hukuman itu, pesalah terdiri daripada lelaki dan wanita maka dua (2) orang Pegawai Sebat hendaklah hadir bersama.
- (b) Peralatan sebat–
- (i) Tertakluk pada subseksyen 125(2) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560] atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri yang berkaitan⁷, Pegawai Sebat hendaklah memastikan bersamanya pada hari pelaksanaan hukuman alat sebatan, tidak termasuk pemegangnya, hendaklah daripada jenis yang sama dan dibuat sama ada daripada rotan atau ranting kecil pokok yang tiada ruas atau buku dan panjangnya tidak melebihi 1.22 meter dan tebalnya tidak melebihi 1.25 sentimeter;
 - (ii) alat sebatan itu hendaklah mencukupi mengikut bilangan pesalah yang dihukum pada hari tersebut; dan
 - (iii) Pegawai Sebat dan Pegawai Penjara yang lain hendaklah memuaskan hati mereka bahawa langkah berjaga-jaga telah diambil bagi memastikan segala peralatan berkaitan dengan pelaksanaan hukuman sebat disenggarakan dan berada dalam keadaan baik dan teratur.
- (c) Pakaian khas pesalah–
- (i) Pesalah hendaklah mengenakan pakaian khas yang disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia; dan
 - (ii) Jabatan Penjara Malaysia hendaklah memastikan pakaian khas mencukupi kerana ia tidak boleh dikongsi penggunaannya dengan pesalah yang lain pada hari yang sama pelaksanaan hukuman dijalankan.
- (4) Polis Diraja Malaysia hendaklah memastikan dan menyediakan anggotanya untuk membantu menjaga keselamatan tempat pelaksanaan hukuman dan ketenteraman awam sepanjang pelaksanaan hukuman dijalankan.

⁷ Subseksyen 125(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003, Subseksyen 126(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, Subseksyen 125(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Kelantan), Subseksyen 125(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Subseksyen 129(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Subseksyen 125(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Pahang), Subseksyen 125(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Subseksyen 125(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perak) 2004, Subseksyen 125(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2006 (Perlis), Subseksyen 125(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2004 (Sabah), Subseksyen 125(2) Ordinan Tatacara Jenayah Syariah 2001 (Sarawak), Subseksyen 125(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Subseksyen 125(2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001.

Tugas dan tanggungjawab umum agensi dan pegawai pelaksana hukuman

5. Agensi pelaksana hukuman hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan hukuman sebatan berjalan lancar, teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan—

(1) Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri—

(a) Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA)

- (i) Mengawal dan memastikan pesalah setelah disabit dan dijatuhi hukuman oleh Mahkamah;
 - a. memastikan pesalah telah melengkap dan menerima Bon Kehadiran Pesalah yang dikeluarkan Mahkamah sebelum pesalah dilepas atau dibenarkan meninggalkan Mahkamah;
 - b. mengambil langkah perlu memperingatkan pesalah mengenai tarikh dan masa hadir semula ke Mahkamah atau ke mana-mana premis yang ditetapkan Mahkamah sebagai persediaan pelaksanaan hukuman; dan
 - c. jika pesalah ingkar hadir atau melanggar syarat bon pada hari pelaksanaan hukuman, PPA hendaklah menguatkuasakan Waran Tangkap yang akan dikeluarkan Mahkamah.
- (ii) PPA hendaklah hadir dan berada di tempat pelaksanaan hukuman pada hari pelaksanaan hukuman bagi memastikan keselamatan dan mengawal pesalah; dan
- (iii) bertanggungjawab membawa dan menyebabkan pesalah selamat sampai di tempat pelaksanaan hukuman dan kembali ke Mahkamah dengan selamat selepas pelaksanaan hukuman dijalankan.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah

(a) Hakim—

- (i) Semua prosiding yang melibatkan Hakim dilaksanakan di Mahkamah sama ada di Dewan Bicara Mahkamah Terbuka atau Kamar Hakim Bicara;

- (ii) Setelah tamat tempoh empat belas (14) hari dari tarikh hukuman itu atau, jika ada rayuan, sehingga pengesahan keputusan dibuat oleh Mahkamah yang lebih tinggi, Pendaftar hendaklah seberapa segera mendapatkan arahan Hakim untuk mengeluarkan waran pelaksanaan hukuman, bon, notis dan surat pemakluman pelaksanaan hukuman sebat di luar penjara ke atas pesalah dan agensi penguat kuasa atau agensi pelaksana bagi tujuan penguatkuasaan dan pelaksanaan hukuman;
 - (iii) mengeluarkan perintah bagi pelaksanaan hukuman sebat beserta waran pelaksanaan hukuman yang mengandungi tarikh, masa dan tempat pelaksanaan hukuman;
 - (iv) pemakluman mengenai tarikh pelaksanaan hukuman hendaklah dibuat sekurang-kurangnya dalam tempoh empat belas (14) hari dari sebelum hari pelaksanaan hukuman;
 - (v) jika pesalah ingkar/ gagal hadir pada hari pelaksanaan hukuman atau melanggar syarat-syarat bon, setelah mendapat makluman daripada Pendaftar, Hakim hendaklah–
 - (A) menetapkan semula tarikh dan tempat pelaksanaan hukuman sebatan; dan
 - (B) memerintahkan Waran Tangkap ke atas pesalah dikeluarkan.
 - (vi) jika hukuman tidak dapat dilaksanakan keseluruhan atau sebahagiannya atas sebab-sebab kesihatan dengan perakuan Pegawai Perubatan Kerajaan, setelah mendapat makluman daripada Pendaftar, Hakim hendaklah–
 - (A) menetapkan semula tarikh sebatan; atau
 - (B) setelah Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui pesalah tidak layak menjalani hukuman sebatan pada keseluruhannya atau sebahagiannya, Hakim boleh memerintahkan hukuman itu dilaksanakan mengikut cara yang difikirkannya munasabah.
- dan
- (vii) jika pesalah wanita sedang hamil, dengan perakuan Pegawai Perubatan Kerajaan setelah mendapat makluman daripada Pendaftar, Hakim hendaklah–

- (A) menetapkan tarikh dan masa hukuman sehinggalah tamat tempoh dua (2) bulan selepas melahirkan anak⁸, dan anaknya berhenti menyusui selewat-lewatnya sehingga anak tersebut berumur dua (2) tahun, melainkan ada seseorang yang sanggup menyusukan anak itu dalam tempoh yang tersebut; dan
- (B) jika anaknya itu meninggal dunia dalam masa kandungan, Hakim tetapkan hukuman boleh dijalankan selepas enam puluh (60) hari dari tarikh keguguran⁹ tertakluk pada perakuan Pegawai Perubatan Kerajaan.

(b) Pendaftar–

Prosiding di Dewan Bicara Mahkamah Terbuka atau Kamar Hakim Bicara

- (i) Tertakluk pada tamat tempoh empat belas (14) hari dari tarikh hukuman itu atau, jika ada rayuan sehingga pengesahan keputusan dibuat oleh Mahkamah yang lebih tinggi, sebaik sahaja Hakim mengeluarkan arahan untuk mengeluarkan dokumen pelaksanaan hukuman, Pendaftar hendaklah dengan seberapa segera menyediakan dan mengeluarkan surat pemakluman dan Borang-Borang berkenaan seperti berikut:
 - (A) Waran Penahanan menggunakan Borang 1 (jika berkaitan);
 - (B) Waran Hukuman Penjara menggunakan Borang 2 selewat-lewatnya pukul 3.00 petang selepas hukuman dijatuhkan (jika berkaitan);
 - (C) Waran Tangkap menggunakan Borang 3;
 - (D) Bon Kehadiran Pesalah menggunakan Borang 4;
 - (E) Notis Penetapan Tempat Pelaksanaan Hukuman Sebat menggunakan Borang 5;
 - (F) Surat Pemakluman menggunakan Borang 6 (Penjara) dan Borang 7 (Pegawai Kesihatan Daerah);

⁸ Rujuk kepada subseksyen 125(3)(b) Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Jenayah Syariah Negeri-negeri dan subseksyen 129(3)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, kecuali Kedah di dalam subseksyen 126(3)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 yang menyatakan tangguh hukuman sehingga tamat tempoh 3 bulan (90 hari) selepas kelahiran anak atau keguguran, mana-mana yang berkenaan.

⁹ *Ibid.*

- (G) Waran Pelaksanaan Hukuman Sebat menggunakan Borang 8; atau/dan
 - (H) Pengesahan Tiada Rayuan Terhadap Hukuman Atau Tempoh Rayuan Telah Tamat menggunakan Borang 9.
- (ii) jika pesalah ingkar/gagal hadir di Mahkamah pada hari pelaksanaan hukuman, seberapa segera hendaklah memaklumkan kepada Hakim berkenaan ketidakhadiran pesalah sama ada tidak hadir dengan alasan yang munasabah atau tanpa alasan;
 - (iii) dengan arahan Hakim, bagi yang tidak hadir pada hari pelaksanaan hukuman, sama ada pesalah ingkar/ gagal hadir tanpa alasan yang munasabah atau alasannya ditolak oleh Hakim, Pendaftar hendaklah mengeluarkan waran tangkap ke atas pesalah tersebut dan menyerahkannya kepada Pegawai Penguat Kuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri atau Polis Diraja Malaysia bagi tujuan penguatkuasaan;
 - (iv) bagi pesalah yang ingkar/ gagal hadir tanpa alasan yang munasabah atau alasannya ditolak oleh Hakim sepertimana perenggan (iii) di atas, Pendaftar hendaklah menguruskan prosiding perampasan/ pembatalan bon kehadiran pesalah;
 - (v) jika waran tangkap dilaksanakan dan pesalah dibawa di hadapan Hakim, tertakluk pada arahan Hakim, Pendaftar hendaklah menyediakan dokumen dan keperluan berkaitan bagi tujuan penahanan dan pelaksanaan hukuman sebat ke atas pesalah itu di penjara (Borang 1-Waran Penahanan, Borang 2-Waran Hukuman Penjara & Borang 8-Waran Pelaksanaan Hukuman Sebat di penjara);
 - (vi) sekiranya pesalah hadir di Mahkamah pada hari pelaksanaan hukuman, Pendaftar hendaklah mengesahkan kehadiran pesalah melalui pemeriksaan dokumen pengenalan diri pesalah;
 - (vii) Pendaftar hendaklah mengarahkan Pegawai Penguat Kuasa Agama/ Pegawai Mahkamah/ Pegawai Keselamatan Mahkamah membawa dengan selamat pesalah ke tempat pelaksanaan hukuman;
 - (viii) jika hukuman sebat ditangguh, dibatal atau telah dilaksanakan sebahagiannya, seberapa segera Pendaftar memaklumkan hal demikian kepada Hakim bagi menentukan tindakan dan tarikh prosiding yang selanjutnya;

- (ix) tertakluk pada perenggan (viii) di atas, Pendaftar hendaklah mengeluarkan atau melanjutkan Bon Kehadiran Pesalah (Borang 4); dan
- (x) Pendaftar hendaklah mengambil apa-apa langkah yang patut memaklumkan kepada pihak-pihak berkenaan termasuklah di tempat pelaksanaan hukuman berkaitan dengan pembatalan dan penangguhan tersebut.

Prosiding di Tempat Pelaksanaan Hukuman

- (i) Memastikan kehadiran pesalah dengan selamat di Tempat Pelaksanaan Hukuman;
 - (ii) memastikan Pegawai Penguat Kuasa Agama/ Pegawai Mahkamah/ Pegawai Keselamatan Mahkamah membawa pesalah dengan selamat ke Bilik Pemeriksaan Khas;
 - (iii) mengambil langkah berjaga-jaga dengan memastikan pesalah berada di dalam keadaan baik di dalam Bilik Pemeriksaan Khas bagi mengikuti prosedur pemeriksaan kesihatan dan persiapan uniform Jabatan Penjara Malaysia;
 - (iv) pada hari pelaksanaan hukuman, Pendaftar hendaklah memberi taklimat ringkas kepada orang awam yang menyaksikan pelaksanaan hukuman, berkaitan dengan tatacara dan peraturan semasa berada di lokasi pelaksanaan hukuman;
 - (v) tertakluk pada laporan pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan, jika Pesalah layak disebat, Pendaftar memaklumkan Pegawai Penjara bahawa prosiding hukuman sebat sedia dilaksanakan;
 - (vi) mengumumkan prosiding hukuman sebatan bermula, selesai atau/ dan ditangguhkan kerana sebab-sebab sebagaimana subseksyen 125(3)(j) dan (5) Akta 560 atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri¹⁰; dan
 - (vii) jika perlu, Pendaftar boleh memberikan ucapan ringkas kepada hadirin setelah selesai hukuman dilaksanakan.
- (c) Pegawai Penguat Kuasa Agama, Pegawai Mahkamah atau Pegawai Keselamatan Mahkamah hendaklah–
- (i) membawa dengan selamat pesalah pergi dan balik dari Mahkamah ke tempat pelaksanaan hukuman dan sebaliknya;

¹⁰ Rujuk kepada subseksyen 125(3)(j)&(5) Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Jenayah Syariah Negeri-negeri, subseksyen 129(3)(j)&(5) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 dan subseksyen 126(3)(j)&(5) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.

- (ii) membantu dan memastikan kelancaran perjalanan pelaksanaan hukuman sebat;
 - (iii) mengawal keselamatan sepanjang perjalanan pelaksanaan hukuman sebat;
 - (iv) mendaftarkan kehadiran orang awam yang menyaksikan hukuman sebat dalam Buku Rekod Kehadiran Pelaksanaan Hukuman Sebat;
 - (v) memeriksa beg orang awam bagi memastikan mereka menyerahkan telefon bimbit, kamera, alat perakam atau peralatan lain yang dilarang sama sekali dibawa masuk sebelum mereka dibenarkan masuk ke dalam tempat pelaksanaan hukuman;
 - (vi) menyimpan dengan selamat semua peralatan yang diserahkan oleh orang awam;
 - (vii) membantu mengawal dan mengiringi pesalah ke Bilik Pemeriksaan Khas bagi menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum dan selepas hukuman dilaksanakan;
 - (viii) mengembalikan semula semua peralatan orang awam setelah selesai pelaksanaan hukuman sebat; dan
 - (ix) hendaklah memuaskan hatinya bahawa langkah berjaga-jaga telah diambil bagi memastikan segala peralatan berkaitan, disenggarakan dalam keadaan baik, teratur dan segala persediaan fizikal pada hari pelaksanaan hukuman sedia digunakan.
- (3) Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah
- (a) Pegawai Kesihatan Daerah di Pejabat Kesihatan Daerah hendaklah–
 - (i) memilih, melantik dan mengarah Pegawai Perubatan Kerajaan hadir ke Mahkamah pada tarikh, masa dan tempat ditetapkan dengan membawa peralatan lengkap setelah menerima pemakluman dan notis berkaitan daripada Mahkamah; dan
 - (ii) pemilihan, penentuan bilangan Pegawai Perubatan Kerajaan dan peralatan hendaklah merujuk kepada perenggan 4(2) (a) SOP ini.

(b) Pegawai Perubatan Kerajaan

- (i) Memeriksa dan memastikan kesihatan pesalah sebelum hukuman dilaksanakan menggunakan Borang 10(a) dan Borang 10(b), manakala ketika/ selepas hukuman dilaksanakan Pegawai Perubatan Kerajaan bolehlah menggunakan Borang 11;
- (ii) sama ada memperakukan pesalah boleh atau tidak dihukum pada hari pelaksanaan hukuman;
- (iii) setelah pemeriksaan ke atas pesalah dibuat, jika Pegawai Perubatan Kerajaan tidak memperakukan pesalah dihukum pada hari tersebut atau tidak wajar dihukum sebat, Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah memaklumkan seberapa segera kepada Mahkamah untuk menangguh pelaksanaan hukuman pada masa tersebut atau jika hukuman telah dijalankan sebahagiannya dan dia berpendapat baki hukuman tidak wajar diteruskan;
- (iv) menyediakan laporan ketika/ selepas hukuman dilaksanakan dengan menggunakan Borang 11 dan menyerahkan kepada Mahkamah berkenaan tahap kesihatan, alasan atau sebab penangguhan hukuman atau baki hukuman tidak dapat dilaksanakan atau hukuman sebat tidak wajar dikenakan ke atas pesalah;
- (v) mengisi Borang Rujukan Ke klinik kesihatan/ hospital (Borang 10(c)) bagi tindakan pemeriksaan/ rawatan lanjut pesalah di klinik kesihatan/ hospital berdekatan; dan
- (vi) merahsiakan laporan, tarikh, masa, tempat hukuman dan identiti pesalah yang menjalani hukuman itu sepertimana yang ditetapkan oleh kod, etika atau apa-apa peraturan bertulis Kementerian Kesihatan Malaysia.

(4) Jabatan Penjara Malaysia

Pegawai Penjara yang berkenaan hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan hukuman sebatan berjalan lancar, teratur dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penjara Malaysia.

(5) Polis Diraja Malaysia

Anggota PDRM yang berkenaan hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi memastikan keselamatan di tempat pelaksanaan hukuman sebatan untuk ketenteraman awam.

Pelaksanaan hukuman

6. Pegawai Perubatan Kerajaan, Pegawai Sebat dan Pegawai Penjara hendaklah mematuhi prosedur seperti berikut:

- (1) Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah—
 - (a) Sebelum pelaksanaan hukuman
 - (i) membuat pemeriksaan kesihatan terhadap pesalah di Bilik Pemeriksaan Khas diiringi oleh *chaperon* (jika perlu) dengan menggunakan Borang 10(a) dan untuk keselamatan, akan diawasi oleh pegawai mahkamah atau pegawai keselamatan mahkamah;
 - (ii) mengambil dan merekod tanda vital iaitu suhu, tekanan darah, kadar denyutan nadi, kadar pernafasan dan skor kesakitan (jika perlu);
 - (iii) memeriksa sistem badan yang lain seperti sistem jantung, pernafasan, abdomen dan lain-lain pemeriksaan yang dirasakan perlu pada waktu itu; dan
 - (iv) jika pesalah wanita, ujian kehamilan hendaklah diadakan.
 - (v) merekod dan mencatat keputusan pemeriksaan fizikal dan apa-apa ujian ke atas pesalah ke dalam Borang Pemeriksaan Kesihatan (Borang 10(b));
 - (vi) memperaku kepada Pendaftar bahawa pesalah layak untuk menjalani hukuman;
 - (vii) jika pesalah tidak diperakui untuk menjalani hukuman pada masa itu, Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah memperakukan kepada Pendaftar untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman atau apa-apa pengesyoran yang wajar;
 - (viii) pesalah yang ketika pemeriksaan dibuat mempunyai simptom-simptom atau ciri-ciri atau Pegawai Perubatan Kerajaan mempercayai pelaksanaan hukuman pada masa itu akan menyebabkan simptom-simptom atau ciri-ciri seperti berikut:
 - (A) mengalami kesukaran bernafas, sakit dada yang kuat, pengsan, sawan, kesakitan bahagian dada atau sebagainya yang akan memudaratkan pesalah;
 - (B) mempunyai luka yang besar atau jangkitan kuman yang serius pada bahagian yang akan disebat;

- (C) apa-apa sebab kesihatan yang munasabah; atau
- (D) jika pesalah wanita didapati hamil, Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah memperaku kepada Pendaftar, Pendaftar hendaklah menangguhkan prosiding hukuman serta-merta dan merujuk seberapa segera laporan Pegawai Perubatan kepada Hakim;

dan

- (ix) jika perlu, rujuk pesalah ke klinik kesihatan/ hospital berdekatan dengan menggunakan Borang 10(c)
- (b) Ketika pelaksanaan hukuman
- (i) menghadiri ketika pelaksanaan hukuman dijalankan dan membuat pemerhatian terhadap keadaan pesalah sama ada berupaya untuk meneruskan atau tidak baki hukuman sebatan yang belum dilaksanakan ke atasnya;
 - (ii) seberapa segera yang boleh memaklumkan kepada Pendaftar untuk menangguhkan atau tidak meneruskan baki hukuman setelah berpuas hati bahawa kesakitan yang dialami pesalah itu akan memberi mudarat kepada nyawanya sekiranya hukuman diteruskan;
 - (iii) tertakluk pada tahap kesihatan pesalah, mencadangkan kepada Mahkamah suatu tempoh penangguhan yang sesuai bagi meneruskan baki hukuman sebagaimana yang dinyatakan di dalam Borang 11;
 - (iv) sama ada hukuman disempurnakan atau jika keseluruhan atau baki hukuman sebat ke atas pesalah tidak dihabiskan atau diberhentikan sama sekali, Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah menyediakan dan membuat laporan lengkap dalam Borang 11 bagi memaklumkan tahap kesihatan pesalah kepada Mahkamah dalam tempoh tujuh (7) hari selepas penyempurnaan atau pemberhentian pelaksanaan hukuman; dan
 - (v) jika perlu, rujuk pesalah ke klinik kesihatan/ hospital berdekatan dengan menggunakan Borang 10(c).
- (c) Selepas pelaksanaan hukuman
- (i) Membuat pemeriksaan semula ke atas pesalah dan merekodkan butiran pemeriksaan di ruang Pemeriksaan Fizikal Selepas Prosedur dalam Borang 11;

- (ii) jika terdapat kecederaan atau apa-apa kesan lain pada bahagian badan akibat hukuman, seberapa segera rawatan hendaklah diberikan;
 - (iii) sama ada hukuman telah disempurnakan atau jika keseluruhan atau baki hukuman sebatan ke atas pesalah tidak dihabiskan atau diberhentikan sama sekali, Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah menyediakan dan membuat laporan lengkap dalam Borang 11 bagi memaklumkan tahap kesihatan pesalah kepada Mahkamah dalam tempoh tujuh (7) hari selepas penyempurnaan atau pemberhentian pelaksanaan hukuman; dan
 - (iv) jika perlu, rujuk pesalah ke klinik kesihatan/ hospital berdekatan dengan menggunakan Borang 10(c).
- (2) Pegawai Penjara dan Pegawai Sebat hendaklah–
- (a) Sebelum pelaksanaan hukuman
 - (i) Pegawai Sebat hendaklah bertanggungjawab menjalankan hukuman sebatan dan dia dan Pegawai Penjara yang terlibat hendaklah membiasakan diri mereka sendiri dengan arahan menjalankan hukuman sebat di Mahkamah atau di mana-mana tempat selain penjara;
 - (ii) memastikan pesalah telah diperakui tahap kesihatannya dan jantinya oleh Pegawai Perubatan Kerajaan bagi membolehkan pelaksanaan hukuman dilakukan oleh Pegawai Sebat yang sama jantina dengan pesalah;
 - (iii) sama ada pesalah tidak digari atau dibelenggu tertakluk pada langkah berjaga-jaga kelarian pesalah atas pertimbangan Pegawai Penjara;
 - (iv) memastikan peralatan hukuman telah disediakan secukupnya sebagaimana di perenggan 4(3)(b);
 - (v) memastikan pesalah telah memakai pakaian sebagaimana perenggan 4(3)(c); dan
 - (vi) membacakan kesalahan, hukuman dan perintah Mahkamah dengan jelas di hadapan pesalah.
 - (b) Ketika pelaksanaan hukuman
 - (i) sebatan hendaklah dikenakan atas mana-mana anggota tubuh kecuali muka, kepala, dada, perut dan bahagian-bahagian sulit pesalah;

- (ii) memastikan pesalah lelaki dalam keadaan berdiri dan pesalah wanita dalam keadaan duduk di atas kerusi yang telah ditetapkan;
 - (iii) pukulan sebatan hendaklah tidak mencederakan atau melukakan kulit pesalah;
 - (iv) ketika melaksanakan hukuman sebatan, Pegawai Sebat tidak boleh merenggangkan kedudukan lengan dengan bahagian tubuh serta tidak boleh mengangkat rotan hingga ke paras kepalanya;
 - (v) pukulan sebatan hendaklah berturut-turut dan tidak melebihi bilangan yang diperintahkan oleh mahkamah;
 - (vi) Pegawai Penjara hendaklah mencatatkan dalam buku hukuman sebatan masa hukuman itu dilaksanakan dan bilangan sebatan yang dikenakan ke atas pesalah;
 - (vii) Pegawai Penjara mengumumkan atau membuat pengiraan dengan jelas setiap kali sebatan yang dilaksanakan ke atas pesalah bermula daripada sebatan pertama sehingga yang terakhir bagi memastikan jumlah sebatan yang telah dijalani oleh pesalah adalah menepati bilangan hukuman sebatan yang dijatuhkan Mahkamah;
 - (viii) Pegawai Sebat hendaklah dengan serta-merta menghentikan sebatan pada bila-bila masa selepas Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa pesalah itu tidak lagi dapat menerima sebatan, sebatan itu hendaklah ditangguhkan sehingga Pegawai Perubatan Kerajaan itu memperakui kepada Mahkamah bahawa pesalah itu layak untuk menjalani baki hukuman itu; dan
 - (ix) baki hukuman yang ditangguhkan hendaklah disempurnakan atau dilaksanakan mengikut cara yang difikirkan mahkamah adalah munasabah pada bila-bila masa tertakluk pada perintah Mahkamah.
- (c) Selepas pelaksanaan hukuman
- (i) Pegawai Penjara hendaklah memaklumkan kepada Pendaftar bahawa pesalah telah menjalani sebahagian hukuman sebatan jika sebatan ditangguhkan atau diberhentikan atau pesalah telah selesai menjalani keseluruhan hukuman; dan
 - (ii) memastikan segala peralatan berkaitan dengan pelaksanaan hukuman disenggara dan berada dalam keadaan baik serta teratur.



JADUAL PERTAMA: SINGKATAN DAN PROSES KERJA

JADUAL PERTAMA

SINGKATAN DAN PROSES KERJA

1. SINGKATAN

BIL	ISTILAH	PENGERTIAN
1.1.	SOP	Prosedur Operasi Standard
1.2.	MTS	Mahkamah Tinggi Syariah
1.3.	PPA	Pegawai Penguat Kuasa Agama
1.4.	H	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
1.5.	P	Pendaftar
1.6.	PM/PKM	Pegawai Mahkamah/Pegawai Keselamatan Mahkamah
1.7.	PNM	Penghantar Notis Mahkamah
1.8.	PK	Pegawai Kesihatan Daerah
1.9.	MO	Pegawai Perubatan Kerajaan
1.10.	JPM	Jabatan Penjara Malaysia
1.11.	PP	Pegawai Penjara
1.12.	PS	Pegawai Sebat
1.13.	PDRM	Polis Diraja Malaysia

2. PROSES KERJA

(1) HAKIM MENJATUHKAN HUKUMAN KE ATAS PESALAH

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPAT
H	1.1 Menjatuhkan hukuman sebatan di luar penjara ke atas pesalah (yang bukan sedang menjalani hukuman pemenjaraan atau ke atas peasalah yang tidak dikenakan kombinasi hukuman penjara dan sebat).	Dewan Bicara Mahkamah/ Kamar Hakim Bicara
P	1.2 Keluarkan Bon Kehadiran Pesalah menggunakan Borang 4 seperti syarat bon ditetapkan H	
H	1.3 Hakim akan tetapkan tarikh sebutan bagi tujuan penetapan tarikh, masa dan tempat pelaksanaan hukuman sebat (tarikh sebutan yang ditetapkan hendaklah selepas luput tempoh rayuan).	
	1.4 Hakim hendaklah dengan budi bicara menetapkan apa-apa terma jaminan tambahan bagi memastikan kehadiran pesalah.	

(2) PROSIDING HAKIM MENETAPKAN TARIKH, MASA DAN TEMPAT PELAKSANAAN HUKUMAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPAT
<p style="text-align: center;">H</p>	<p>2.1 Keluarkan ketetapan setelah tempoh rayuan telah luput dan pesalah tidak merayu hukuman</p> <p>2.2 H hendaklah dengan budi bicara menetapkan apa-apa terma jaminan tambahan bagi memastikan kehadiran pesalah.</p>	<p>Dewan Bicara Mahkamah/ Kamar Hakim Bicara</p>
<p style="text-align: center;">P</p>	<p>2.3 Keluarkan dan dapatkan tandatangan H berkenaan:</p> <p>A. Bon Kehadiran Pesalah (Borang 4) - Lanjutkan bon jamin kepada pesalah bagi tujuan kehadiran Pesalah pada tarikh hukuman dilaksanakan.</p> <p>B. Penetapan Tempat Pelaksanaan Hukuman Sebat menggunakan Borang 5</p> <p>C. Surat Pemakluman menggunakan Borang 6 (Pegawai Penjara) dan Borang 7 (Pegawai Kesihatan Daerah)</p> <p>D. Waran Pelaksanaan Hukuman Sebat menggunakan Borang 8</p> <p>E. Pengesahan tiada rayuan terhadap hukuman atau tempoh rayuan telah tamat menggunakan Borang 9</p> <p>2.4 Kemuka semua dokumen tersebut kepada PNM bagi disampaikan kepada agensi berkenaan</p>	
<p style="text-align: center;">PNM</p>	<p>2.5 Hantar dokumen-dokumen kepada agensi berkenaan</p>	

(3) TINDAKAN PADA HARI PELAKSANAAN HUKUMAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPAT
	<p>PERSEDIAAN SEBELUM SEBATAN</p>	
P	<p>3.1 Sediakan Bilik Pemeriksaan Khas yang lengkap, Kerusi Sebatan dan pilih petugas bagi mengendali dan memastikan kelancaran pelaksanaan hukuman pada hari ditetapkan.</p>	Tempat pelaksanaan Hukuman
PK	<p>3.2 Melantik dan memilih Pegawai Perubatan Kerajaan yang akan menjalankan pemeriksaan kesihatan pesalah pada hari pelaksanaan hukuman dan pastikan peralatan bagi tujuan pemeriksaan tersebut disediakan</p>	Pejabat Kesihatan Daerah
JPM	<p>3.3 Melantik dan memilih Pegawai Sebat yang akan melaksanakan sebatan dengan memastikan mereka membawa bersama peralatan ditetapkan pada hari pelaksanaan sebatan</p>	Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia
PDRM	<p>3.4 Mengarahkan anggota PDRM bertugas di tempat pelaksanaan hukuman pada hari pelaksanaan hukuman bagi memastikan keselamatan tempat pelaksanaan hukuman dan ketenteraman awam</p>	Ibu Pejabat Polis Daerah
	<p>TINDAKAN PADA HARI SEBATAN</p>	
P	<p>3.5 Pendaftar memastikan kehadiran pesalah di Mahkamah pada hari pelaksanaan hukuman sebat</p>	Mahkamah Bicara
	<p>3.6 Pesalah hadir ke mahkamah pada masa yang ditetapkan sebelum dibawa Mahkamah ke Tempat Pelaksanaan Hukuman.</p>	
	<p>Jika Pesalah Hadir</p>	
P	<p>3.7 Pastikan pengenalan diri pesalah</p>	

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPAT
PPA/PM/PK	3.8 Pastikan keselamatan pesalah 3.9 Hantar pesalah dengan selamat ke Tempat Pelaksanaan Hukuman.	
P	3.10 Sambung proses kerja 3.19	
	Jika Pesalah Tidak Hadir	
P	3.11 Isytiharkan prosiding di tempat pelaksanaan hukuman ditangguhkan & bersurai.	Tempat Pelaksanaan Hukuman Sebat
H	3.12 Maklumkan kepada H ketidakhadiran pesalah dan sebab-sebab	Dewan Bicara Mahkamah/ Kamar Bakim Bicara
	3.13 H putuskan sama ada alasan ketidakhadiran diterima atau tidak.	
H/P	3.14 Jika tiada alasan munasabah daripada pihak Pesalah, bersambung PROSES KERJA (4) PROSIDING DI MAHKAMAH: PESALAH INGKAR/GAGAL HADIR TANPA SEBARANG ALASAN PADA HARI PELAKSANAAN HUKUMAN.	
H	3.15 Jika alasan diterima, tetapkan tarikh dan sebutan baharu bagi penetapan tarikh, masa dan tempat pelaksanaan hukuman sebat.	
	3.16 Lanjut Bon Kehadiran (bon jamin) kepada pesalah bagi tujuan kehadiran pada prosiding sebutan akan datang.	
P	3.17 Sediakan Bon Kehadiran yang telah dilanjutkan.	
	3.18 Bersambung sebagaimana PROSES KERJA (2): PROSIDING HAKIM MENETAPKAN TARIKH, MASA DAN TEMPAT PELAKSANAAN HUKUMAN.	

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPAT
	<p>B. KETIKA PROSIDING SEBATAN</p> <p>Jika Pesalah Layak Menjalani Hukuman Sebat</p>	
P	3.27 Berikan taklimat ringkas mengenai tatacara dan peraturan prosiding sebatan kepada hadirin di dalam tempat pelaksanaan hukuman.	Tempat pelaksanaan Hukuman Sebat
PP	3.28 Persediaan uniform pesalah	Bilik Pemeriksaan Khas
PM/PKM	3.29 Bawa dan iringi pesalah masuk ke dalam Tempat Pelaksanaan Hukuman	
P	3.30 Maklumkan kepada PP & MO bahawa prosiding sebatan sedia untuk dilaksanakan	Tempat pelaksanaan Hukuman Sebat
PP	3.31 Membacakan dengan jelas berkaitan kesalahan, hukuman dan perintah Mahkamah di hadapan pesalah	
PS	3.32 Laksanakan sebatan sehingga selesai jumlah sebat yang dihukumkan Mahkamah mengikut prosedur yang ditetapkan	Tempat pelaksanaan Hukuman Sebat
PP	3.33 Membuat pengiraan dengan jelas di hadapan Mahkamah setiap kali sebatan dilaksanakan ke atas pesalah	
MO	3.34 Menyaksi dan memerhati kondisi pesalah sepanjang proses sebatan bagi memastikan sama ada pesalah boleh atau tidak meneruskan baki hukuman sebat yang belum dilaksanakan ke atasnya	
	3.35 (Jika perlu) mencelah dan maklumkan Mahkamah supaya baki sebatan tidak diteruskan sekiranya mendapati kondisi pesalah tidak membolehkan baki sebatan diteruskan	

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPAT
PP	<p>3.36 Jalankan Pemeriksaan Kesihatan ke atas pesalah mengikut prosedur ditetapkan dan catitkan hasil pemeriksaan ke dalam Borang 11, dan jika perlu guna Borang 10(c) untuk rawatan/pemeriksaan lanjut pesalah.</p> <p>3.37 Mengumum dan memaklumkan kepada Mahkamah jumlah sebatan yang telah dilaksanakan atau baki sebatan yang belum dilaksanakan ke atas pesalah sebelum penangguhan atau pemberhentian</p> <p>Jika Pesalah tidak layak Menjalani/ menghabiskan hukuman sebatan</p>	
P	<p>3.38 Maklumkan prosiding sebatan ditangguhkan sebagaimana subseksyen 125(3)(j) & (5) Akta 560 atau mana-mana undang-undang bertulis negeri berkaitan & isytiharkan prosiding tamat.</p> <p>Pengurusan hadirin</p>	Tempat pelaksanaan Hukuman Sebat
P	<p>3.39 Minta hadirin meninggalkan tempat pelaksanaan hukuman.</p>	Tempat pelaksanaan Hukuman Sebat
PM/PKM	<p>3.40 Mengembalikan semua peralatan hadirin</p>	
PDRM	<p>3.41 Pastikan keselamatan tempat pelaksanaan hukuman dan ketenteraman awam</p> <p>Pengurusan Pesalah</p>	
PPA/PM/PKM	<p>3.42 Bawa dan iringi pesalah ke Bilik Pemeriksaan Khas</p>	Bilik Pemeriksaan Khas
PP	<p>3.43 Urusan penukaran uniform pesalah dan pengurusan dokumentasi</p>	

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPAT
MO	3.44 Merawat Pesalah jika perlu, atau/ dan menyediakan Borang 10(c) untuk rujukan rawatan lanjut	
PPA/PM/PKM	3.45 Bawa pesalah dengan selamat ke mahkamah semula	Dewan Bicara Mahkamah/ Kamar Bakim Bicara
P	3.46 Pengurusan dokumentasi pesalah.	
	3.47 Bawa Pesalah ke hadapan H.	
H/P	3.48 Bersambung sebagaimana Proses Kerja (5) PROSIDING DI MAHKAMAH: HUKUMAN SEBATAN DITANGGUHKAN SEBAGAIMANA SUBSEKSYEN 125(3)(j) & (5) AKTA 560 ATAU MANA-MANA UNDANG-UNDANG BERTULIS NEGERI NEGERI BERKAITAN.	
	Jika Pesalah selesai disebut sepenuhnya	
PP	3.49 Mengumum dan memaklumkan kepada Mahkamah jumlah sebatan telah selesai dilaksanakan sepenuhnya	Tempat pelaksanaan Hukuman Sebat
P	3.50 Jika perlu berikan ucapan penutup	
	3.51 Isytiharkan prosiding selesai dan tamat	
	Pengurusan hadirin	
P	3.52 Minta hadirin meninggalkan tempat pelaksanaan hukuman.	Tempat pelaksanaan Hukuman Sebat
PM/PKM	3.53 Mengembalikan semua peralatan hadirin	
PDRM	3.54 Pastikan keselamatan tempat pelaksanaan hukuman dan ketenteraman awam	

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPAT
<p>PPA/PM/PKM</p> <p>PP</p> <p>MO</p> <p>PPA/PM/PKM</p> <p>P</p>	<p><i>Pengurusan Pesalah</i></p>	<p>Bilik Pemeriksaan Khas</p> <p>Dewan Bicara Mahkamah/ Kamar Bakim Bicara</p>
	<p>3.55 Bawa dan iringi pesalah ke Bilik Pemeriksaan Khas</p>	
	<p>3.56 Urusan penukaran uniform pesalah dan pengurusan dokumentasi</p>	
	<p>3.57 Merawat pesalah jika perlu atau/ dan menyediakan Borang 10(c) untuk rujukan rawatan lanjut</p>	
	<p>3.58 Bawa pesalah dengan selamat ke mahkamah semula</p>	
<p>3.59 Pengurusan dokumentasi pesalah & Pesalah dilepaskan.</p>		

(4) PROSIDING DI MAHKAMAH: PESALAH INKAR/GAGAL HADIR TANPA SEBARANG ALASAN PADA HARI PELAKSANAAN HUKUMAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPAT
P	4.1 Maklumkan seberapa segera kepada H keingkaran/kegagalan hadir pesalah di mahkamah tanpa sebarang alasan pada hari pelaksanaan hukuman sebatan	Dewan Bicara Mahkamah/ Kamar Hakim Bicara
H	4.2 Tetapkan semula tarikh sebatan dan arah pengeluaran Waran Tangkap	
P	4.3 Keluarkan Waran Tangkap menggunakan Borang 3 dan kemuka kepada H untuk tandatangan	
PPA/PDRM	4.4 Serah Waran Tangkap yang telah ditandatangani H kepada PPA untuk pelaksanaan	
PPA/PDRM	4.5 Hantar Waran Tangkap ke Ibu Pejabat Polis untuk penguatkuasaan oleh pihak Polis	Balai Polis
	Jika Pesalah dapat ditangkap	
H	4.6 Perintahkan penahanan, termasuk urusan perampasan bon jamin atau apa-apa tindakan wajar ke atas pesalah kerana melanggar Bon Kehadiran dan perintahkan hukuman sebatan ke atas pesalah di penjara	Dewan Bicara Mahkamah/ Kamar Hakim Bicara
P	4.7 Keluarkan Waran Penahanan (Borang 1) Waran Hukuman Penjara (Borang 2) dan Waran Pelaksanaan Hukuman Sebatan (Borang 8) di Penjara dapatkan tandatangan H atau ambil apa-apa tindakan seperti diarahkan H	
P	4.8 Maklumkan PPA untuk laksana Waran Penahanan	

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPAT
PPA	4.9 Hantar pesalah ke Penjara untuk menjalani hukuman sebatan di Penjara	Jabatan Penjara Malaysia
JPM	4.10 PP/PS melaksanakan hukuman sebatan di Penjara sebagaimana Peraturan-Peraturan yang telah ditetapkan Jabatan Penjara Malaysia	
Jika Pesalah gagal ditangkap		
P	4.11 Maklumkan H sebaik menerima laporan kegagalan pelaksanaan Waran Tangkap daripada PDRM	Dewan Bicara Mahkamah/ Kamar Hakim Bicara
H	4.12 Lanjutkan tempoh Waran Tangkap sehingga pesalah dapat ditangkap pada bila-bila masa	
P	4.13 Uruskan proses penarikan/ rampasan Bon jaminan/ Bon kehadiran 4.14 Ulangi proses kerja 4.6 hingga 4.10 jika pesalah dapat ditangkap	

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPAT
<p style="text-align: center;">P</p>	<p>5.6 Ulangi PROSES KERJA (2): PROSIDING HAKIM MENETAPKAN TARIKH, MASA DAN TEMPAT PELAKSANAAN HUKUMAN dan PROSES KERJA (3): TINDAKAN PADA HARI PELAKSANAAN HUKUMAN SEBAT</p>	<p style="text-align: center;">Dewan Bicara Mahkamah/ Kamar Hakim Bicara</p>
	<p>Hukuman Dilaksanakan Mengikut Cara yang Munasabah</p>	
<p style="text-align: center;">H</p>	<p>5.7 Tetapkan tarikh sebutan untuk penetapan tarikh, masa dan tempat pelaksanaan hukuman</p>	
	<p>5.8 Hakim hendaklah dengan budi bicara menetapkan apa-apa terma jaminan tambahan bagi memastikan kehadiran pesalah.</p>	
	<p>5.9 Pelanjutan Bon Kehadiran Pesalah menggunakan Borang 4 untuk pastikan kehadiran pesalah pada tarikh sebutan untuk penetapan tarikh, masa dan tempat pelaksanaan hukuman</p>	
<p>5.10 Ulangi PROSES KERJA (2): PROSIDING HAKIM MENETAPKAN TARIKH, MASA DAN TEMPAT PELAKSANAAN HUKUMAN dan/atau PROSES KERJA (3): TINDAKAN PADA HARI PELAKSANAAN HUKUMAN SEBAT (yang bersesuaian dengan hukuman yang bakal diperintahkan oleh Hakim)</p>		




JADUAL KEDUA: CARTA ALIR


JADUAL KEDUA

CARTA ALIR

(1) HAKIM MENJATUHKAN HUKUMAN KE ATAS PESALAH





(2) PROSIDING HAKIM MENETAPKAN TARIKH, MASA DAN TEMPAT PELAKSANAAN HUKUMAN





**Prosiding Proses Kerja/ Carta Alir 2 diadakan selepas tempoh rayuan tamat/luput.*

(3) TINDAKAN PADA HARI PELAKSANAAN HUKUMAN











(4) PROSIDING DI MAHKAMAH: PESALAH INKAR/GAGAL HADIR TANPA SEBARANG ALASAN PADA HARI PELAKSANAAN HUKUMAN



(5) PROSIDING DI MAHKAMAH: HUKUMAN SEBATAN DITANGGUHKAN SEBAGAIMANA SUBSEKSYEN 125(3)(j) & (5) AKTA 560 ATAU MANA-MANA UNDANG-UNDANG BERTULIS NEGERI-NEGERI BERKAITAN





JADUAL KETIGA: BORANG-BORANG

JADUAL KETIGA

BORANG-BORANG

BORANG 1

AKTA/ ENAKMEN/ ORDINAN TATACARA JENAYAH SYARIAH

WARAN PENAHANAN

Kepada pegawai yang menjaga Penjara

BAHAWASANYA no. kad pengenalan/pasport
..... (kemudian daripada ini disebut Pesalah) telah pada hari ini ditangkap
dan dibawa hadir ke hadapan Mahkamah ini dan disabitkan melakukan kesalahan
melanggar Bon Kehadiran Pesalah bertarih haribulan tahun yang
menghendaki Pesalah hadir ke Mahkamah ini pada haribulan tahun
dan adalah perlu Pesalah ditahan.

Waran ini memberi kuasa dan menghendaki anda menerima Pesalah ke dalam
jagaan anda bersama dengan waran ini dan menahannya dengan selamat di dalam
Penjara sehingga haribulan tahun apabila
anda hendaklah menyebabkannya dibawa ke hadapan Mahkamah ini pada jam
pagi/petang pada hari itu melainkan jika sementara itu anda diperintahkan selainnya.

Diberi dengan tandatangan saya dan meterai Mahkamah ini pada
haribulan tahun

(Meterai/cop)

Tandatangan Hakim

BORANG 2

AKTA/ ENAKMEN/ ORDINAN TATACARA JENAYAH SYARIAH

WARAN HUKUMAN PENJARA

Kepada pegawai yang menjaga Penjara

.....

BAHAWASANYA, no. kad pengenalan/
pasport, pada haribulan tahun telah disabitkan
bersalah dalam kes jenayah syariah no. di dalam Mahkamah
..... atas kesalahan
di bawah seksyen/subseksyen Akta Kesalahan Jenayah
Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 atau mana-mana undang-undang bertulis
negeri-negeri berkaitan dan dijatuhkan hukuman penjara dan/
atau sebatan rotan.

Hukuman penjara hendaklah dilaksanakan berkuatkuasa mulai dari
haribulan tahun

Maka dengan ini mengkehendaki tuan menerima
no. kad pengenalan/pasport, supaya ia ditahan dalam tahanan
tuan dan memerintahkan ia menjalani hukuman menurut undang-undang.

Diberi dengan tandatangan saya dan materai Mahkamah ini pada
haribulan tahun

(Meterai/cop)

Tandatangan Hakim

BORANG 3

AKTA/ ENAKMEN/ ORDINAN TATACARA JENAYAH SYARIAH

WARAN TANGKAP

Kepada:.....

BAHAWASANYA no. kad pengenalan/
pasport beralamat di telah
disabitkan bersalah di bawah seksyen/subseksyen
..... Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah
Persekutuan) 1997 atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan
dan dijatuhkan hukuman sebatan rotan dan dikehendaki hadir
ke Mahkamah pada haribulan
tahun jam pagi/petang.

BAHAWASANYA tersebut telah melanggar
Bon Kehadiran Pesalah bertarikh pada haribulan
tahun dan engkar hadir ke Mahkamah pada tarikh dan masa yang
dinyatakan dalam bon tersebut.

Maka anda adalah dengan ini diarahkan menangkap
tersebut dan membawanya ke hadapan Mahkamah pada
haribulan tahun atau pada bila-bila masa ianya
dapat ditangkap sebelum tarikh tersebut.

Bertarikh pada haribulan tahun

(Meterai/cop)

Tandatangan Hakim

Waran ini bolehlah diendorskan seperti berikut:

Jika tersebut membayar sendiri
jaminan sejumlah Ringgit Malaysia sahaja dengan seorang
penjamin untuk hadir di hadapan Mahkamah pada
haribulan tahun dan untuk terus hadir sehingga
saya mengarahkan selainnya, dia bolehlah dilepaskan.

Bertarikh pada haribulan tahun

(Meterai/cop)

Tandatangan Hakim

BORANG 4

AKTA/ ENAKMEN/ ORDINAN TATACARA JENAYAH SYARIAH

BON KEHADIRAN PESALAH

BAHAWASANYA Saya, no. kad pengenalan/
pasport, yang beralamat di
telah disabitkan bersalah di bawah seksyen/subseksyen
..... Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah
Persekutuan) 1997 atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan
dan dijatuhkan hukuman sebatan rotan atau/dan hukuman
..... adalah dengan ini mengikat diri saya untuk hadir di
Mahkamah yang pada haribulan
tahun jam pagi/petang kecuali diperintahkan sebaliknya dan
sekiranya saya gagal berbuat demikian, saya mengikat diri supaya melucutkan
hak wang saya sebanyak Ringgit Malaysia sahaja (didepositkan) kepada
Kerajaan Malaysia dan Mahkamah yang tersebut akan memerintahkan penahanan
ke atas diri saya di Penjara

Bertarikh pada haribulan tahun

Tandatangan Pesalah (Meterai/cop) Tandatangan Pendaftar/Hakim

APABILA BON DISEMPURNAKAN DENGAN PENJAMIN

BAHAWASANYA Saya, no. kad pengenalan/
pasport, yang beralamat di dengan
ini mengaku menjadi penjamin kepada penama tersebut di atas bahawa dia akan
menepati kehendak Bon ini dan sekiranya dia gagal berbuat demikian, saya
melucutkan wang saya sebanyak Ringgit Malaysia sahaja (didepositkan)
kepada Kerajaan Malaysia.

Bertarikh pada haribulan tahun

Tandatangan Pesalah (Meterai/cop) Tandatangan Pendaftar/Hakim

BORANG 5

AKTA/ ENAKMEN/ ORDINAN TATACARA JENAYAH SYARIAH

PENETAPAN TEMPAT PELAKSANAAN HUKUMAN SEBAT

Berdasarkan kuasa yang diperuntukan kepada Mahkamah di bawah perenggan 125(3)(c) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan, Mahkamah dengan ini menetapkan bahawa hukuman sebat ke atas Pesalah,
no. kad pengenalan/pasport sebanyak sebatan
dalam kes jenayah syariah no. hendaklah dilaksanakan
di pada
haribulan tahun jam pagi/petang.
Bertarikh pada haribulan tahun

(Meterai/cop)

Tandatangan Hakim

BORANG 6

Kepada pegawai yang menjaga Penjara

.....

Tuan,

PELAKSANAAN HUKUMAN SEBAT KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

KE ATAS NO. KP / PASPORT

– PESALAH LELAKI.

KES JENAYAH SYARIAH NO.

DAN/ATAU

KE ATAS NO. KP / PASPORT

– PESALAH WANITA.

KES JENAYAH SYARIAH NO.

Saya adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan peruntukan perenggan 125(3)(c), Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan, pelaksanaan hukuman sebat ke atas Pesalah tersebut telah ditetapkan seperti berikut :

2.1. Tarikh : haribulan tahun

2.2. Masa : pagi/petang

2.3. Tempat :

3. Sehubungan itu, tuan adalah dikehendaki menyediakan dan menghantar seorang dua (2) orang Pegawai Sebat bagi melaksanakan hukuman tersebut iaitu:

3.1 Seorang Pegawai Sebat lelaki bagi melaksanakan sebatan ke atas Pesalah Lelaki;

atau/dan

3.2 Seorang Pegawai Sebat wanita bagi melaksanakan sebatan ke atas Pesalah Wanita

4. Bersama ini dikemukakan waran dan notis seperti berikut :
 - 4.1 Notis Penetapan Tempat Pelaksanaan Hukuman Sebat
 - 4.1 Waran Pelaksanaan Hukuman Sebat
 - 4.3 Pengesahan Tiada Rayuan Terhadap Hukuman Atau Tempoh Rayuan Telah Tamat

Sekian harap maklum.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
Timbalan Pendaftar,
Mahkamah

- S.k.
1. Yang Amat Arif,
Ketua Hakim Syarie
 1. Pengarah / Ketua Pendakwa Syarie
Jabatan Pendakwaan Syarie Negeri/Bahagian Pendakwaan
(Bersama ini dikepilkan salinan waran dan notis berkaitan pelaksanaan hukuman sebat untuk makluman tuan)

BORANG 7

Kepada Pegawai Kesihatan Daerah

Tuan/Puan,

PELAKSANAAN HUKUMAN SEBAT KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

Saya adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mahkamah ini pada haribulan tahun telah menjatuhkan hukuman sebanyak sebatan ke atas pesalah iaitu;

2.1 No. k/p:..... jantina lelaki,
berumur tahun bulan;

dan/atau

2.2 No. k/p:..... jantina wanita,
berumur tahun bulan

3. Hukuman tersebut akan dilaksanakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

3.1 Tarikh : haribulan tahun

3.2 Masa :pagi/petang

3.3 Tempat :

4. Perenggan 125(3)(a), (b), (c), (j) dan (5), Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan, menghendaki bahawa dalam pelaksanaan hukuman sebatan:

4.1 Pesalah hendaklah diperiksa dan diperakui terlebih dahulu oleh Pegawai Perubatan Kerajaan sebagai dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani hukuman itu sebelum ianya dilaksanakan;

4.2 Jika pesalah wanita didapati sedang hamil maka pelaksanaan hukuman sebat hendaklah ditangguhkan sehingga tamat tempoh dua (2) bulan/tiga (3) bulan¹ selepas dia bersalin atau keguguran mengikut mana-mana yang berkenaan;

¹ Tiga (3) bulan merujuk subseksyen 126(3)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.

- 4.3 Hukuman hendaklah dilaksanakan di hadapan seorang Pegawai Perubatan Kerajaan di tempat sebagaimana diarahkan oleh Mahkamah atau di suatu tempat yang ditetapkan oleh undang-undang bagi maksud itu;
 - 4.4 Jika semasa pelaksanaan hukuman sebat, Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa pesalah itu tidak lagi dapat menerima sebatan maka ianya hendaklah ditangguhkan sehingga Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa pesalah itu sihat tubuhnya untuk menjalani baki hukuman itu; dan
 - 4.5 Jika Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa pesalah itu atas sebab umur tua yakni telah mencapai umur 50 tahun atau lebih, keuzuran atau apa-apa sebab lain tidak dapat menjalani hukuman sebat sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, maka kes itu hendaklah dirujukan kepada Mahkamah yang boleh memerintahkan hukuman itu dilaksanakan mengikut cara yang difikirkan munasabah.
5. Sehubungan itu, Mahkamah ini memohon supaya (*bil. Peg.perubatan*)..... orang Pegawai Perubatan Kerajaan tuan/puan dapat dihantar bersama-sama “*chaperon/ peneman*” (jika berkaitan) dan hadir di (*tempat hukuman dijalankan*) bagi maksud menjalankan pemeriksaan kesihatan, memerhati pesalah sepanjang prosiding hukuman, memperaku apa-apa yang menyebabkan pesalah tidak layak menjalani hukuman dan merawat pesalah ketika atau selepas hukuman dijalankan ke atas pesalah.
6. Pegawai-Pegawai Perubatan Kerajaan tersebut hendaklah ketika menghadiri prosiding sebatan Mahkamah dengan:-
- 6.2. Membawa peralatan perubatan yang bersesuaian bagi menjalankan pemeriksaan kesihatan pesalah; dan
 - 6.2 berpakaian yang bersesuaian berdasarkan kod pemakaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
7. Kerjasama tuan/puan amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian harap maklum.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
Timbalan Pendaftar,

Mahkamah

BORANG 8

AKTA/ ENAKMEN/ ORDINAN TATACARA JENAYAH SYARIAH

WARAN PELAKSANAAN HUKUMAN SEBAT

Kepada pegawai yang menjaga Penjara

.....

BAHAWASANYA no. kad pengenalan/
pasport pada haribulan tahun telah disabitkan
bersalah dalam kes jenayah syariah no. di dalam Mahkamah
..... atas kesalahan
di bawah seksyen/subseksyen Akta Kesalahan Jenayah
Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 atau mana-mana undang-undang bertulis
negeri-negeri berkaitan dan dijatuhkan hukuman penjara dan/
atau sebatan rotan.

Maka dengan ini tuan adalah dikehendaki melaksanakan hukuman sebat
sebanyak sebatan ke atas no. kad pengenalan/
pasport pada haribulan tahun
..... jam pagi/petang di

Diberi dengan tandatangan saya dan meterai Mahkamah ini pada
haribulan tahun

(Meterai/cop)

Tandatangan Hakim

BORANG 9

AKTA/ ENAKMEN/ ORDINAN TATACARA JENAYAH SYARIAH

PENGESAHAN TIADA RAYUAN TERHADAP HUKUMAN ATAU TEMPOH RAYUAN TELAH TAMAT

Kepada pegawai yang menjaga Penjara

.....

BAHAWASANYA, no. kad pengenalan/pasport
..... yang dijatuhi hukuman kali sebatan dalam dalam kes
jenayah syariah no. di dalam Mahkamah
atas kesalahan di bawah seksyen/
subseksyen Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-
Wilayah Persekutuan) 1997 atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri
berkaitan telah tidak mengemukakan apa-apa rayuan terhadap hukuman tersebut
dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan diberikan seperti dikehendaki di bawah
Seksyen 153 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan.

DISAHKAN BAHAWA tempoh merayu telah luput maka pelaksanaan
hukuman sebat ke atas no. kad pengenalan/pasport
..... sebagaimana Waran Pelaksanaan Hukuman Sebat bertarikh
haribulan tahun hendaklah dilaksanakan.

Bertarikh pada haribulan tahun

(Meterai/cop)

Tandatangan Hakim

BORANG 10(a)

BORANG SARINGAN KESIHATAN PESALAH

Mahkamah:

A. Butir Peribadi (HURUF BESAR) – Diisi oleh Ketua Pendaftar

Nama:	Tanda-tanda Vital
No. Pengenal Diri:	Tekanan Darah:
Umur:	Nadi:
Jantina:	

B. Perakuan Kesihatan Diri – Diisi oleh Pesalah

Pernahkah anda menghidap penyakit berikut? Jika Ya sila (✓)				
1	Lelah		4	Kencing manis
2	Penyakit jantung dan saluran darah		5	Tekanan darah tinggi/ tekanan darah rendah
3	Batuk kering/ Tibi/ Radang Paru-paru		6	Lain-lain Penyakit: Nyatakan

C. Masalah Kesihatan Semasa dalam Tahanan – Diisi oleh anggota kesihatan

Nama Penyakit	Nama Ubat dan Dos	Status Rawatan

D. Perakuan Status Kehamilan Wanita – Diisi oleh anggota kesihatan

Ujian Status Kehamilan (UPT)	() POSITIF
*Sila tanda (✓)	() NEGATIF

Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar mengikut pengetahuan saya.

Disaksikan oleh Anggota Kesihatan:

Tandatangan Pesalah:

Tandatangan:

Cop Jawatan:

Tarikh:

Tarikh:

BORANG 10(b)

BORANG PEMERIKSAAN KESIHATAN PESALAH SEBELUM HUKUMAN

Nama no. kad pengenalan,
pada haribulan tahun telah disabitkan bersalah dalam kes jenayah
syariah no. di dalam Mahkamah atas
kesalahan di bawah seksyen/subseksyen
..... Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah
Persekutuan) 1997 atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan
dan dijatuhkan hukuman sebatan rotan.

(Nama pesalah)....., (No. kp/pasport/lain-lain)..... akan
menjalani hukuman (*bentuk hukuman*)..... pada.....haribulan.....tahun.....
di (*lokasi*).....

Setelah diperiksa, didapati penama di atas;

LAYAK menjalani hukuman

TIDAK LAYAK menjalani hukuman kerana;

Hamil

Umur (mencapai umur 50 tahun atau lebih)

Lain-lain (sila nyatakan).....

Diperiksa/Diperakui oleh:

.....
Nama & T/Tangan Pegawai Perubatan

Cop Rasmi

.....
Tarikh & Masa

BORANG 10(c)

BORANG RUJUKAN KE KLINIK KESIHATAN / HOSPITAL

Mahkamah:

Kepada:	() Segera () Tidak Segera *Sila tanda (✓)
Nama:	Tarikh:
	Masa:
No. Pengenalan Diri:	Umur:
	Jantina:
Keluhan/sejarah:	
Pemeriksaan Fizikal	
Diagnosis Awal:	
Ubatan:	
Rawatan Awal:	

Pegawai Perubatan Yang Merujuk;

Nama dan Cop Jawatan:

Tandatangan:

Tarikh:

BORANG 11

BORANG PEMERIKSAAN KESIHATAN PESALAH KETIKA*/SELEPAS HUKUMAN DILAKSANAKAN SEPENUHNYA/SEBAHAGIAN**

Nama no. kad pengenalan,
pada haribulan tahun telah disabitkan bersalah dalam kes jenayah
syariah no. di dalam Mahkamah atas
kesalahan di bawah seksyen/subseksyen
..... Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah
Persekutuan) 1997 atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan
dan dijatuhkan hukuman sebatan rotan.

..... telah menjalani hukuman
(nama pesalah) (no. kp/pasport/lain-lain)
sebatan sebahagian/sepenuhnya** dengan bil.
.....
(nyatakan bilangan sebatan yang telah dilaksanakan)

dan berbaki sebatan
(nyatakan bilangan baki sebatan yang belum dilaksanakan)

pada.... haribulan..... tahun..... di
(lokasi)

***jika pegawai perubatan berpendapat pesalah perlu diperiksa ketika sebatan masih berbaki**

****potong yang mana tidak berkenaan**

PEMERIKSAAN FIZIKAL KETIKA/SELEPAS SEBATAN

LAYAK / TIDAK LAYAK menjalani hukuman seterusnya***

.....

.....

.....

.....

.....

**** (jika berkenaan) nyatakan cadangan samada layak untuk diteruskan pelaksanaan hukuman pada ketika itu atau di tarikh yang lain atau apa-apa syor lain bagi tindakan Hakim*

Diperiksa/Diperakui oleh:

Nama:

Tarikh & Cop rasmi:

.....
Nama & T/Tangan Pegawai Perubatan

.....
Cop Rasmi

.....
Tarikh & Masa



PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatan Di Luar Penjara Bagi Pesalah Syariah ini telah disediakan oleh Jawatankuasa Kerja Pembinaan SOP dan dimuktamadkan oleh Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali ke-75 Bil. 3 yang diadakan pada 3 hingga 5 Oktober 2020 di Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.

PENAUNG

YAA Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Hj. Mokhtar
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah JKSM

AHLI-AHLI PERSIDANGAN KETUA HAKIM SYARIE SELURUH MALAYSIA KALI KE 75 BIL. 3 TAHUN 2020

YA Dato' Haji Mohd. Amran B. Mohd Zain
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM

YA Dato' Haji Mohd. Shukor Bin Haji Sabudin
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM

YA Datuk Mohd Radzi Bin Abd Latif
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM

YA Datuk Jasri @ Nasip B. Matjakir
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM

YA Dato' Mohamad Shakir Bin Abdul Hamid
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM

YA Tn. Haji Othman bin Ibrahim
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM

YAA Tuan Haji Wan Mohd Zakri bin Wan Mohd
Ketua Hakim Syarie JKSN Terengganu

YAA Dato' Sri Haji Rahman bin Md Yunos
Ketua Hakim Syarie JKSN Pahang

YAA Dato' Sheikh Abdul Rahman bin Haji Abdullah
Ketua Hakim Syarie JKSN Kedah

YAA Dato' Haji Asa'ari bin Haji Mohd Yazid
Ketua Hakim Syarie JKSN Perak

YAA Datu Awang Suhaili bin Ledi
Ketua Hakim Syarie JKSN Sarawak

YAA Tuan Haji Ibrahim bin Deris
Ketua Hakim Syarie JKSN Perlis

YAA Dato' Abas bin Nordin
Ketua Hakim Syarie JKS Negeri Sembilan

YAA Dato' Haji Mohammad Adib bin Hussain
Ketua Hakim Syarie JKSN Selangor

YAA Datuk Mohd Nadzri bin Haji Abdul Rahman
Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka

YAA Tuan Haji Mohammad Khaldun bin Mohamad Sharif
Ketua Hakim Syarie JKSN Johor

YAA Tuan Haji Mohd Asri bin Haji Tahir
Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

YAA Dato' Muhammad Abdul Karim bin Wahab
Ketua Hakim Syarie JKSN Pulau Pinang

YAA Tuan Alidin @ Ahmad Din bin OKK Othman
Ketua Hakim Syarie JKSN Sabah

Tuan Nurhasney Ridhwan B. Hassan (Wakil KHS)
Ketua Pendaftar JKSN Kelantan

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dr. Noridah binti Mohd Saleh
Dr. Tengku Putri Zaharah binti Tengku Bahanuddin
Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kesihatan Malaysia

JABATAN PENJARA MALAYSIA

Dato' KP Ahmad Faudzi bin Awang
Tuan PKK Abdul Kadir Jailani bin Ismail
Tuan Masran bin Muhamad
Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Penjara Malaysia

AHLI-AHLI & URUSETIA JAWATANKUASA KERJA PEMBINAAN

Tuan Haji Nassir bin Haji Abdul Aziz (*Pengerusi/Ketua Pendaftar JKSM*)

Dato' Abdul Walid bin Abu Hassan

Puan Noor Hadina binti. Ahmad Zabidi

Tuan Adam bin Tumiran¹

Tuan Abu Suffian bin Abu Yaziz (*Setiausaha*)

Tuan Zakian bin Dio

YA Tuan Ahadin Arinen

YA Tuan Shamsuddin bin Hussain

YA Tuan Mohamad Fouzi bin Mokhtar

Tuan Mohd. Ridzwan bin Ghazali

Tuan Mawardi bin Che' Man

Puan Maria binti Jilani

Tuan Mamat Haizan bin Salleh

Tuan Nik Asrul Nizam bin Mustapha

Pn. Rafidah binti Abdul Razak

Dr. Hanifah binti Haydar Ali Tajuddin

Tuan Muhamad Yusro bin Borhan Nordin

Puan Suraya binti Abdullah

Puan Jamaliah binti Abu Bakar

¹ Allahyarham Tuan Adam bin Tumiran telah kembali kerahmatullah pada 13 Februari 2020 di Hospital Selayang. Beliau adalah mantan Pengarah BPKR dan mantan Setiausaha Jawatankuasa Kerja SOP tahun 2018-2019. Semoga Allah mengganjari Allahyarham di atas jasa dan sumbangan beliau ini-ALFATEHAH.



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 20, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

T +603 8887 9200
F +603 8887 9500

**LAMPIRAN 1 ARAHAN
AMALAN NO. 12 TAHUN
2023 JABATAN
KEHAKIMAN SYARIAH
MALAYSIA (JKSM)**



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 461

AKTA KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH 1954

Sebagaimana pada 1 April 2013

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Offenders Compulsory Attendance Act 1954* sebagaimana disemak dalam tahun 1991. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah subseksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

**AKTA KEHADIRAN WAJIB
PESALAH-PESALAH 1954**

Pertama kali diperbuat	1954 (Ordinan No. 37 1954)
Disemak	1991 (Akta 461 m.b.p 23 Julai 1991)

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 461****AKTA KEHADIRAN WAJIB
PESALAH-PESALAH 1954**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pusat Kehadiran Wajib
4. Pelantikan pegawai untuk menjaga Pusat
5. Perintah Kehadiran Wajib
6. Obligasi pesalah
7. Kecederaan kepada pesalah semasa menjalankan kerja wajib
8. Kesalahan
9. Kaedah-Kaedah

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 461

AKTA KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH 1954

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelaksanaan, dalam keadaan tertentu, kerja wajib oleh pesalah yang telah disabitkan dengan kesalahan tertentu dan boleh dikenakan hukuman pemenjaraan atau oleh seseorang yang boleh dihukum dengan cara ditahan dalam penjara kerana kegagalan membayar denda atau hutang, sebagai ganti dihukum atau dihukum dengan cara ditahan sedemikian; dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

[1 Januari 1984, L.N. 401/1956;

* *Wilayah Persekutuan Labuan—16 September 2012, P.U.(A)291/2012;*

** *Sabah—16 September 2012, P.U.(A)292/2012;*

*** *Sarawak—16 September 2012, P.U.(A)293/2012]*

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

* *CATATAN*—Dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Labuan—*lihat* Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubahsuaian Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954) 2012 [*P.U.(A)291/2012*].

** *CATATAN*—Dalam pemakaiannya bagi Negeri Sabah—*lihat* Perintah Negeri Sabah (Pemerluasan dan Ubahsuaian Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954) 2012 [*P.U.(A)292/2012*].

*** *CATATAN*—Dalam pemakaiannya bagi Negeri Sarawak—*lihat* Perintah Negeri Sarawak (Pemerluasan dan Ubahsuaian Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954) 2012 [*P.U.(A)293/2012*].

“jarak yang ditetapkan” ertinya, berhubungan dengan mana-mana Pusat tertentu, jarak yang Menteri boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan di dalam *Warta* menetapkan berhubungan dengan Pusat tersebut;

“kerja wajib” ertinya apa-apa kerja buruh, tugas, kerja atau kursus pengajaran yang diperintah oleh Pegawai Pusat Kehadiran Wajib untuk diaku janji oleh pesalah tersebut;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Penjara, Malaysia, dan termasuk Timbalan Ketua Pengarah Penjara;

“Pegawai Pusat Kehadiran Wajib” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 4;

“Perintah Kehadiran Wajib” ertinya suatu perintah Mahkamah yang dibuat di bawah seksyen 5;

“pesalah” ertinya seseorang yang mana berkenaan dengannya suatu Perintah Kehadiran Wajib pada masa itu sedang berkuat kuasa;

“Pusat” ertinya sesuatu Pusat Kehadiran Wajib yang ditubuhkan di bawah seksyen 3.

Pusat Kehadiran Wajib

3. Maka hendaklah ditubuhkan di dalam dan bagi Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia, di bawah arahan dan kawalan Ketua Pengarah, di tempat sebagaimana yang Menteri boleh dari semasa ke semasa mengarahkan, Pusat Kehadiran Wajib untuk pelaksanaan di dalamnya kerja wajib oleh pesalah menurut Perintah-Perintah Kehadiran Wajib.

Pelantikan pegawai untuk menjaga Pusat

4. Ketua Pengarah hendaklah melantik seorang Penguasa Penjara atau seorang Pegawai Penjaga penjara sama ada mengikut nama atau jawatan untuk menjaga setiap Pusat dan Penguasa atau Pegawai tersebut hendaklah digelar sebagai Pegawai Pusat Kehadiran Wajib.

Perintah Kehadiran Wajib

5. (1) Jika seseorang, yang tinggal tidak lebih daripada jarak yang ditetapkan dari sesuatu Pusat—

- (a) telah disabitkan dengan sesuatu kesalahan yang baginya dia boleh dikenakan hukuman pemenjaraan; atau
- (b) boleh dihukum dengan cara ditahan dalam penjara kerana kegagalan membayar denda atau hutang, dan

Mahkamah berpendapat bahawa—

- (i) jika Akta ini tidak diluluskan, orang tersebut akan dihukum dengan secukupnya oleh suatu hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan; dan
- (ii) dengan memberi pertimbangan kepada watak seseorang itu, jenis dan beratnya kesalahan atau hal keadaan dalam mana seseorang itu gagal membayar (mengikut mana yang berkenaan) dan semua hal keadaan lain kes tersebut, adalah tidak suai manfaat untuk menghukumnya ditahan,

Mahkamah boleh, sebagai ganti hukuman atau hukuman dengan cara menahan, membuat suatu Perintah Kehadiran Wajib menghendaki seseorang itu hadir setiap hari di Pusat yang dinyatakan di dalam Perintah tersebut dan mengaku janji untuk menjalankan kerja wajib selama tempoh tidak melebihi tiga bulan dan selama bilangan jam tertentu setiap hari tidak melebihi empat sebagaimana yang boleh dinyatakan di dalam Perintah, dan boleh, untuk selanjutnya menjamin pematuhan yang sewajarnya dengan Perintah tersebut, menghendaki pesalah memasuki bon dengan atau tanpa penjamin.

(2) Jika Mahkamah mempunyai sebab untuk meragui sama ada mana-mana orang sedemikian berkeupayaan secara fizikal untuk melakukan kerja wajib maka Mahkamah—

- (a) boleh menyebabkan dia menjalani pemeriksaan perubatan;
- (b) tidak boleh membuat suatu Perintah Kehadiran Wajib melainkan ditunjukkan kepada kepuasan hati Mahkamah bahawa dia memang berkeupayaan; dan
- (c) hendaklah menyatakan di dalam Perintah Kehadiran Wajib, jika suatu perintah dibuat, apa-apa kerja wajib yang Mahkamah berpuas hati dia tidak berkeupayaan secara fizikal.

(3) Bilangan jam setiap hari pada masa yang pesalah dikehendaki menjalankan kerja di bawah subseksyen (2) tidak boleh melebihi empat tidak termasuk apa-apa lat tempoh yang ditetapkan untuk masa makan, minum atau rehat dan hendaklah, jika pesalah itu terlibat dalam pekerjaan yang berkeuntungan, memenuhi hanya bahagian masa pesalah yang mewakili masa lapangnya.

(4) Mahkamah hendaklah, sebelum membuat Perintah Kehadiran Wajib, menjelaskan kepada orang yang berkenaan dalam bahasa biasa kesan Perintah tersebut dan akibat kegagalan mematuhi dan tidaklah boleh membuat perintah tersebut melainkan seseorang itu menyatakan kesanggupannya untuk mematuhi kehendaknya.

Obligasi pesalah

6. (1) Tertakluk kepada peruntukan mana-mana Kaedah yang dibuat di bawah Akta ini dan kepada terma Perintah Kehadiran Wajib, seseorang pesalah hendaklah, semasa berjalannya kuat kuasa Perintah tersebut melapor setiap hari pada masa dan tempat sebagaimana yang Pegawai Pusat Kehadiran Wajib, dengan memberi pertimbangan kepada hal keadaan pesalah, boleh menyatakan.

(2) Seorang pesalah hendaklah pada setiap hari mengaku janji kerja wajib sebagaimana yang boleh diperintahkan oleh Pegawai Pusat Kehadiran Wajib, yang kerja itu hendaklah boleh, pada pendapat Pegawai itu, disempurnakan oleh pesalah tersebut dengan memberi pertimbangan kepada keupayaan fizikalnya mengikut bilangan jam yang dinyatakan di dalam Perintah Kehadiran Wajib.

(3) Jika pesalah itu terlibat dalam pekerjaan yang berkeuntungan, masa yang dia diperintahkan untuk melapor pada setiap hari di bawah peruntukan subseksyen (1) hendaklah tidak mengganggu pekerjaan tersebut.

Kecederaan kepada pesalah semasa menjalankan kerja wajib

7. Jika seorang pesalah cedera kerana kemalangan yang timbul dalam perjalanan kerja wajibnya, semasa dia bekerja menurut suatu Perintah Kehadiran Wajib, dia berhak menerima perubatan dan perawatan hospital secara percuma sebagaimana yang boleh ditetapkan.

Kesalahan

8. (1) Jika seorang pesalah tanpa sebab yang munasabah—

- (a) gagal pada mana-mana hari untuk melapor mengikut subseksyen 6 (1); atau
- (b) gagal pada mana-mana hari untuk mengaku janji atau untuk menyempurnakan kerja wajib yang diperintahkan di bawah subseksyen 6 (2); atau
- (c) dengan apa-apa cara membuat salah laku semasa sedang atau semasa sepatutnya mengaku janji kerja wajib; atau
- (d) tanpa kebenaran diberi oleh Pegawai Pusat Kehadiran Wajib dalam keadaan tertentu dan tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh ditetapkan, tidak menghadirkan diri di mana-mana tempat di mana dia sepatutnya mengaku janji kerja wajib itu; atau
- (e) gagal dalam apa-apa cara lain untuk mematuhi mana-mana kehendak Perintah Kehadiran Wajib atau peruntukan mana-mana Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawah Akta ini,

Pegawai Pusat Kehadiran Wajib, selepas siasatan yang sewajarnya, boleh—

- (i) memerintahkan bahawa pesalah dilucut hak apa-apa remitan dari tempoh Perintah yang telah beliau peroleh, tidak melebihi jumlah sebagaimana yang boleh ditetapkan;
- (ii) melaporkan hal keadaan kepada Ketua Pengarah yang boleh memerintahkan bahawa apa-apa remitan lanjut dilucut hak atau bahawa satu laporan bertulis dibuat kepada Mahkamah, pada masa yang sama memberi satu salinan kepada pesalah.

(2) Apabila menerima laporan tersebut Mahkamah hendaklah menyebabkan pesalah tersebut dibawa ke hadapannya, dan jika berpuas hati atas kebenaran dakwaan, boleh menjatuhkan apa-apa hukuman atau membuat apa-apa Perintah (termasuk Perintah Kehadiran Wajib) yang Mahkamah boleh menjatuhkan atau membuat jika pesalah pada masa itu telah disabitkan dengan kesalahan yang berkenaan dengannya Perintah Kehadiran Wajib yang asal telah dibuat, elaan yang sewajarnya dibuat untuk bilangan hari pada mana dia telah menyempurnakan tugas hariannya, atau boleh menegur pesalah tanpa menjatuhkan apa-apa hukuman atau membuat apa-apa Perintah lanjutan.

(3) Dalam seksyen ini “Mahkamah” ertinya Mahkamah yang melaluinya Perintah Kehadiran Wajib yang asal telah dibuat.

Kaedah-Kaedah

9. (1) Menteri boleh membuat Kaedah-Kaedah, yang tidak tak konsisten dengan Akta untuk pengurusan baik dan pentadbiran Pusat Kehadiran Wajib dan untuk pelaksanaan Akta ini.

(2) Khususnya, dan tanpa menjejaskan keluasan makna terdahulu, Kaedah-Kaedah itu boleh menetapkan bagi semua atau mana-mana maksud atau perkara yang berikut:

- (a) penempatan pegawai Pusat Kehadiran Wajib dengan Pegawai Penjara atau pengajar dan pengawasan, layanan dan latihan pesalah;

- (b) pemeriksaan perubatan, ukuran, pengambilan gambar dan pengambilan statistik, cap jari atau rekod lain pesalah, termasuk sejarah peribadi secara terperinci, dan untuk menghendaki jawapan yang penuh dan benar kepada semua soalan yang dikemukakan kepada seseorang tersebut dengan tujuan untuk mendapatkan statistik dan sejarah tersebut;
- (c) jenis kerja wajib yang akan diaku janji oleh pesalah;
- (d) remitan tempoh Perintah Kehadiran Wajib yang dibenarkan kepada pesalah yang mematuhi dengan sewajarnya Kaedah-Kaedah yang mengenainya remitan itu akan dibuat;
- (e) pelupusan barang keluaran kerja wajib pesalah;
- (f) amaun remitan yang telah diperolehi yang patut dilucut hak kerana melanggar Akta ini atau Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawahnya;
- (g) apa-apa perkara lain yang di bawah Akta ini adalah dikehendaki atau dibenarkan untuk ditetapkan.

(3) Segala Kaedah yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah dibentangkan dengan seberapa segera yang sesuai mungkin di hadapan Dewan Rakyat, dan jika suatu ketetapan Dewan Rakyat diluluskan dalam tempoh tiga bulan selepas apa-apa Kaedah dibentangkan di hadapannya bahawa Kaedah itu hendak dibatalkan, maka Kaedah itu hendaklah mulai dari itu menjadi tidak sah, tetapi tanpa menjejaskan keesahan apa-apa yang dibuat sebelum itu di bawahnya, atau kepada pembuatan Kaedah yang baru.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 461

AKTA KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH 1954

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
L.N.211/1956	Perintah Menteri Dalam Negeri (Pindaan Fungsi) 1956	05-07-1956
L.N.332/1958	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahsuaian Undang-Undang) (Ordinan dan Pengisytiharan) 1958	13-11-1958
P.U.(B) 324/1970	Ordinan Nama Jawatan, 1949 – Pemberitahuan Di bawah Seksyen 3	01-01-1971
P.U.(A) 291/2012	Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan Dan Ubahsuaian Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954) 2012	16-09-2012
P.U.(A) 292/2012	Perintah Negeri Sabah (Pemerluasan Dan Ubahsuaian Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954) 2012	16-09-2012
P.U.(A) 293/2012	Perintah Negeri Sarawak (Pemerluasan Dan Ubahsuaian Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954) 2012	16-09-2012

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 461****AKTA KEHADIRAN WAJIB
PESALAH-PESALAH 1954****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	L.N.211/1956 L.N.332/1958	05-07-1956 13-11-1958
3	L.N.211/1956 L.N.332/1958	05-07-1956 13-11-1958
9	L.N.211/1956 L.N.332/1958	05-07-1956 13-11-1958
15	P.U.(B) 324/1970	01-01-1971



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1660

**AKTA KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH
(PINDAAN) 2022**



2022
2022
P.U. (B)

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH (PINDAAN) 2022
PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(2) Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2022 [Akta A1660], Menteri menetapkan 30 September 2022 sebagai tarikh Akta itu mula berkuat kuasa.

Bertarikh **21 SEP** 2022
[KDN.PUU.R.600-1/1/6; PN(U2)]



DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
Menteri Dalam Negeri

OFFENDERS COMPULSORY ATTENDANCE (AMENDMENT) ACT 2022
APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION

IN exercise of the powers conferred by subsection 1(2) of the Offenders Compulsory Attendance (Amendment) Act 2022 [Act A1660], the Minister appoints 30 September 2022 as the date on which the Act comes into operation.

Dated **21 SEP** 2022
[KDN.PUU.R.600-1/1/6; PN(U2)]



DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
Minister of Home Affairs

Tarikh Perkenan Diraja	31 Ogos 2022
Tarikh Penyiaran dalam warta	5 September 2022
Tarikh Berkuatkuasa	30 September 2022

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1660

AKTA KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH (PINDAAN) 2022

Suatu Akta untuk meminda Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2022.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 [*Akta 461*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “Centre” takrif yang berikut:

‘ “Commissioner General” means the Commissioner General of Prison appointed under subsection 10(1) of the Prison Act 1995 [*Act 537*];’; dan

(b) dengan memotong takrif “Director General”.

Pindaan seksyen 3

3. Akta ibu dipinda dalam seksyen 3 dengan menggantikan perkataan “Director General” dengan perkataan “Commissioner General”.

Penggantian seksyen 4

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen yang berikut:

“Appointment of officer to be in charge of Centre

4. (1) The Commissioner General shall appoint an Officer in Charge to be in charge of each Centre and such officer shall be known as the Compulsory Attendance Centre Officer.

(2) For the purposes of this section, “Officer in Charge” shall have the same meaning as assigned to it in the Prison Act 1995.”.

Seksyen baharu 4A

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

“Power of Commissioner General to issue standing order or give directions

4A. The Commissioner General may, from time to time, issue any standing order or give directions to the Compulsory Attendance Centre Officer not inconsistent with the provisions of the Act or any subsidiary legislation made under the Act and the Compulsory Attendance Centre Officer shall give effect to such standing order or directions.”.

Pindaan seksyen 5

6. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Where a person who resides within the prescribed distance from a Centre—

(a) has been convicted of an offence for which he is liable to be sentenced to imprisonment for a period not exceeding three years; or

(b) is liable to be committed to prison for failure to pay a fine or debt,

the Court may, instead of such sentence or committal, make a Compulsory Attendance Order requiring such person to attend daily at a Centre to be specified in such Order and to undertake compulsory work for a period not exceeding twelve months and for such number of hours each day not exceeding four as may be specified in such Order, and may, for further ensuring due compliance with such Order, require the offender to enter into a bond with or without sureties.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) The Court, when making the Compulsory Attendance Order under subsection (1), shall consider the character of such person, the nature and seriousness of the offence or the circumstances of such person’s failure to pay, as the case may be, and all the other circumstances of the case.”.

Seksyen baharu 5A

7. Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:

“Transfer of offender

5A. The Commissioner General may, in writing, give directions to transfer any offender who is required under the Compulsory Attendance Order to attend daily at a Centre as specified in the Order to another Centre, upon an application made by the offender or if the Commissioner General thinks fit to do so.”.

Seksyen baharu 6A

8. Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen yang berikut:

“Period of imprisonment or detention be deemed to be period of compulsory work

6A. (1) Where an offender—

- (a) who is undertaking a compulsory work by virtue of a Compulsory Attendance Order; or
- (b) who has been required to undertake a compulsory work by virtue of a Compulsory Attendance Order but has not yet undertaken such compulsory work,

is sentenced by any court to any term of imprisonment, or is detained under any law relating to preventive detention, such imprisonment or detention shall take precedence over the Compulsory Attendance Order.

(2) Subject to subsection (3), the period of imprisonment or detention served by the offender shall be deemed to be the period of a compulsory work by virtue of a Compulsory Attendance Order.

(3) The offender shall be required to undertake the compulsory work for the remaining period after deducting the period of imprisonment or detention served by the offender from the period as specified in the Compulsory Attendance Order.”.

Pindaan seksyen 8

9. Akta ibu dipinda dalam subseksyen 8(1) dengan menggantikan perkataan “Director General” dengan perkataan “Commissioner General”.

Kecualian

10. Apa-apa tindakan atau prosiding yang dimulakan atau yang belum selesai sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA A1660****AKTA KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH (PINDAAN) 2022**

Suatu Akta untuk meminda Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2022.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 [*Akta 461*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “Pusat” takrif yang berikut:

‘ “Komisioner Jeneral” ertinya Komisioner Jeneral Penjara yang dilantik di bawah subseksyen 10(1) Akta Penjara 1995 [Act 537];; dan

(b) dengan memotong takrif “Ketua Pengarah”.

Pindaan seksyen 3

3. Akta ibu dipinda dalam seksyen 3 dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Komisioner Jeneral”.

Penggantian seksyen 4

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen yang berikut:

“Pelantikan pegawai untuk bertugas di Pusat

4. (1) *Komisioner Jeneral hendaklah melantik Pegawai Bertugas yang akan bertanggungjawab bagi setiap Pusat dan pegawai tersebut akan dikenali sebagai Pegawai Pusat Kehadiran Wajib.*

(2) *Untuk tujuan seksyen ini, "Pegawai yang Bertugas" hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang diberikan kepadanya dalam Akta Penjara 1995."*

Seksyen baharu 4A

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

“Kuasa Komisioner Jeneral untuk Mengeluarkan Perintah Tetap atau Memberi Arahan

4A. *Komisioner Jeneral boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan apa-apa perintah tetap atau memberi arahan kepada Pegawai Pusat Kehadiran Wajib yang tidak berlawanan dengan mana-mana peruntukan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini, dan Pegawai Pusat Kehadiran Wajib hendaklah melaksanakan perintah tetap dan arahan itu."*

Pindaan seksyen 5

6. Seksyen 5 Akta dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Jika seseorang yang tinggal dalam jarak yang ditentukan dari Pusat—

(a) telah disabitkan atas kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun; atau

(b) boleh dikenakan hukuman penjara kerana gagal membayar denda atau hutang,

Mahkamah boleh, selain hukuman atau komital/ pemenjaraan, memerintahkan Perintah Kehadiran Wajib yang menghendaki seseorang itu hadir pada setiap hari di Pusat yang dinyatakan dalam Perintah tersebut dan menjalankan kerja wajib untuk tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan untuk bilangan jam tertentu setiap hari tidak melebihi

empat jam seperti yang dinyatakan di dalam Perintah, dan boleh, untuk menjamin pematuhan yang sewajarnya dengan Perintah tersebut, menghendaki pesalah memasuki bon dengan atau tanpa penjamin-penjamin.";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Mahkamah, ketika membuat Perintah Kehadiran Wajib di bawah subseksyen (1), hendaklah mempertimbangkan watak seseorang itu, sifat dan keseriusan kesalahan atau hal keadaan dalam mana seseorang itu gagal membayar, mengikut mana yang berkenaan, dan semua hal keadaan lain kes tersebut."

Seksyen baharu 5A

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:

"Pemindahan pesalah

5A. Komisioner Jeneral boleh, secara bertulis, memberi arahan untuk memindahkan mana-mana pesalah di bawah Perintah Kehadiran Wajib untuk hadir setiap hari di (sesuatu) Pusat ke Pusat (yang) lain, atas permohonan yang dibuat oleh pesalah atau jika Komisioner Jeneral berpendapat bahawa ada keperluan."

Seksyen baharu 6A

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen yang berikut:

"Tempoh Pemenjaraan dan Penahanan Disifatkan sebagai Tempoh Kerja Wajib

6A. (1) Jika seseorang pesalah yang—

(a) sedang menjalani suatu kerja wajib menurut suatu Perintah Kehadiran Wajib; atau

(b) telah diperintahkan menurut suatu Perintah Kehadiran wajib tetapi belum menjalani suatu kerja wajib

dihukum oleh mana-mana mahkamah dengan suatu tempoh pemenjaraan atau dengan suatu tempoh penahanan di bawah mana-mana undang-undang berhubung

dengan tahanan pencegahan, maka pemenjaraan dan penahanan itu hendaklah diberi keutamaan daripada Perintah Kehadiran Wajib.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), tempoh pemenjaraan dan penahanan yang dijalani pesalah hendaklah disifatkan sebagai tempoh bagi kerja wajib menurut Perintah Kehadiran Wajib.

(3) Pesalah hendaklah menjalani mana-mana tempoh kerja wajib yang berbaki selepas menolak tempoh pemenjaraan atau penahanan yang telah dijalani oleh Pesalah itu dari tempoh yang dinyatakan dalam Perintah Kehadiran Wajib.”


Pindaan seksyen 8

9. Akta ibu dipinda dalam subseksyen 8(1) dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Komisioner Jeneral”.

Kecualian

10. Apa-apa tindakan atau prosiding yang dimulakan atau yang belum selesai sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

**LAMPIRAN 2 ARAHAN
AMALAN NO. 12 TAHUN
2023 JABATAN
KEHAKIMAN SYARIAH
MALAYSIA (JKSM)**



GARIS PANDUAN

**PERINTAH KEHADIRAN WAJIB (PKW)
BAGI PESALAH SYARIAH**

disediakan oleh

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri
Mahkamah Syariah Negeri

dengan kerjasama

Jabatan Penjara Malaysia
Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jabatan Agama Islam Negeri

KANDUNGAN

Kata-Kata Aluan YB Senator Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)	i
Kata-Kata Aluan YAA Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)	iii
Kata-Kata Aluan Komisioner Jeneral Penjara Malaysia Jabatan Penjara Malaysia (JPM)	v
Latar Belakang	viii
1. GARIS PANDUAN UMUM	1
i. LAMPIRAN A: Senarai Kesalahan Yang Boleh Dikenakan PKW	
ii. LAMPIRAN B: Senarai Pusat Kehadiran Wajib Yang Diwartakan	
2. JADUAL PERTAMA: SINGKATAN DAN PROSES KERJA	43
i. Singkatan	
ii. Proses Kerja 1: Dalam Prosiding Pra Hukuman PKW	
iii. Proses Kerja 2: Dalam Prosiding Menjatuhkan Hukuman PKW	
iv. Proses Kerja 3: Dalam Prosiding Pasca Hukuamn PKW	
3. JADUAL KEDUA: CARTA ALIR	55
i. Carta Alir 1: Dalam Prosiding Pra Hukuman PKW	
ii. Carta Alir 2: Dalam Prosiding Menjatuhkan Hukuman PKW	
iii. Carta Alir 3: Dalam Prosiding Pasca Hukuman PKW	
4. JADUAL KETIGA: BORANG-BORANG	63
Penghargaan	73



KATA-KATA ALUAN

**MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, saya rafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah Rabbal Alamin. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkahnya hingga ke hari kesudahan.

Sekalung tahniah kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri (JKSN)/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri (MSN) yang telah berjaya menerbitkan Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) bagi Pesalah Syariah (Garis Panduan). Saya difahamkan ia adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia. Ucapan terima kasih yang

tidak terhingga kepada Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan semua pihak yang terlibat membantu merealisasikan Garis Panduan ini.

PKW yang sedang dilaksanakan oleh JPM melalui Bahagian Parol & Perkhidmatan Komuniti bagi pesalah jenayah di mahkamah sivil, seharusnya boleh dilaksanakan kepada pesalah jenayah syariah kerana ianya memberi impak positif kepada pesalah, masyarakat dan pihak pemerintah. Inisiatif terpuji JKSM melalui penyediaan Garis Panduan ini adalah sesuatu yang perlu disokong oleh JKSN dan MSN seluruh Malaysia dalam usaha memperkasa peranan mahkamah syariah.

Besar harapan saya agar Garis Panduan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya di mahkamah syariah dan dijadikan panduan bagi memastikan pelaksanaan PKW berjalan lancar, seragam dan sistematik.

Sekian, wassalam.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)



KATA-KATA ALUAN

**KETUA PENGARAH/
KETUA HAKIM SYARIE
JABATAN KEHAKIMAN
SYARIAH MALAYSIA
(JKSM)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Alhamdulillah serta salawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW atas segala nikmat yang dikurniakan kepada kita semua. Dipanjatkan syukur kepada Allah jua atas segala usaha bersama yang dicurahkan untuk menjayakan “Syariah Asas Keadilan” yang diperjuangkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri (JKSN) dan Mahkamah Syariah Negeri-Negeri (MSN) seluruh Malaysia.

Dokumen yang dikenali sebagai Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) bagi Pesalah Syariah (Garis Panduan) yang berada di tangan anda adalah salah satu usaha JKSM selaku agensi penyelaras institusi kehakiman syariah yang terunggul di Malaysia bersama-sama Jabatan Kehakiman Syariah

Negeri-Negeri (JKSN), Mahkamah Syariah Negeri-Negeri (MSN) dan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) untuk memastikan hukuman terhadap pesalah jenayah syariah menepati prinsip hukuman yang mendidik dan memberikan pengajaran kepada pesalah dan masyarakat sebagaimana petikan kitab *Al-Tasyri' al-Jinaie al-Islamie*, Jilid 1 hlm. 611 - 612 :-

فكل عقوبة يجب أن تكون بالقدر الذي يكفي لتأديب
المجرم على جريمته تأديبا يمنعه من العودة اليها ويكفي
لزجر غيره عن التفكير في مثلها

“Justeru itu, setiap hukuman hendaklah dengan kadar yang mencukupi bagi mendidik penjenayah supaya tidak mengulangnya dan ia juga mencukupi untuk memberi peringatan kepada orang lain dari berfikir untuk melakukan kesalahan yang sama.”

Saya merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri-Negeri, Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan ahli-ahli jawatankuasa kerja, yang telah mengambil masa yang begitu singkat menyediakan Garis Panduan ini bagi tujuan penyeragaman dan penyelarasan pelaksanaan PKW terhadap pesalah syariah kelak.

PKW seharusnya boleh menjadi alternatif kepada hakim-hakim syarie untuk menjatuhkan hukuman ke atas pesalah jenayah syariah. Melalui Garis Panduan ini, hakim syarie, pendakwa syarie, pengamal undang-undang syariah, pegawai penguatkuasa, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan JPM akan dipandu oleh Garis Panduan ini seterusnya memudahkan pelaksanaan pra dan pasca PKW dilaksanakan. Mudahan Garis Panduan ini akan memberi impak positif kepada perundangan syariah di Malaysia khususnya dan masyarakat amnya.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menjalankan amanah,

YAA DATO' SETIA DR. MOHD. NA'IM BIN HJ MOKHTAR
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)



KATA-KATA ALUAN

**KOMISIONER
JENERAL PENJARA
MALAYSIA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Segala puji bagi Allah serta selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang mulia atas segala nikmat kepada kita semua.

Bagi pihak Jabatan Penjara Malaysia (JPM) kami sangat menghargai komitmen dan inisiatif Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) menggerakkan jawatankuasa dengan menganjurkan pelbagai mesyuarat, bengkel dan seminar untuk memastikan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) dapat dilaksanakan di

mahkamah syariah seluruh Malaysia. Kesungguhan tersebut diterjemahkan dengan penerbitan secara bertulis Garis Panduan Kehadiran Wajib (PKW) bagi Pesalah Syariah (Garis Panduan) sebagai panduan kepada hakim-hakim syarie, pendakwa syarie, peguam syarie, penguatkuasa agama dan pegawai-pegawai kami di Seksyen Komuniti, Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti Jabatan Penjara Malaysia. Terima kasih jua kerana telah menjemput dan memberi penghormatan kepada pegawai-pegawai kami untuk sama-sama memberikan idea bagi merangka Garis Panduan ini.

Kami turut mengalu-alukan usaha berterusan JKSM selaku agensi penyelarar Mahkamah-Mahkamah Syariah seluruh Malaysia termasuk Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri (JKSN) dan Mahkamah Syariah Negeri-Negeri (MSN) untuk mengadakan kerjasama dengan kami yang melibatkan pelbagai aspek demi memastikan matlamat sebenar hukuman ke atas pesalah jenayah syariah dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

KJP DATO' HAJI NORDIN BIN HAJI MUHAMAD
Komisioner Jeneral Penjara

*Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah,
Hakim Rayuan*
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ketua Hakim Syarie
**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI/ MAHKAMAH SYARIAH NEGERI
SELURUH MALAYSIA**





LATAR BELAKANG

LATAR BELAKANG

GARIS PANDUAN

PERINTAH KEHADIRAN WAJIB (PKW) BAGI PESALAH SYARIAH

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Pelaksanaan program Perintah Kehadiran Wajib (PKW) bermula sekitar tahun 50an setelah Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 (Akta 461) digubal. Pada peringkat awal, program ini dilaksanakan di Penjara Pulau Pinang, Penjara Pudu dan Penjara Taiping, tetapi atas faktor masalah pemantauan, pelaksanaannya tidak dapat diteruskan.
- 1.2. Pada tahun 2009, di dalam Lab NKRA GTP, Jabatan Penjara Malaysia telah mencadangkan semula pelaksanaan Akta 461. Justeru, satu bengkel yang dihadiri wakil Kementerian Dalam Negeri, wakil Jabatan Peguam Negara, Pengarah Mahkamah Negeri dan wakil Jabatan Penjara Malaysia telah diadakan di Kuala Lumpur. Pada tahun 2010, pelaksanaan PKW bermula dengan menerima pesalah pertama PKW pada 30 September 2010 dari Mahkamah Sesyen Kuantan, Pahang.
- 1.3. Akta 461 pernah disemak pada tahun 1991 dan ketika itu ianya terhad pelaksanaannya di Semenanjung Malaysia sahaja. Pelaksanaan PKW di Mahkamah Sesyen dan Majistret telah dipanjangkan dan diterima pakai di Sabah dan Sarawak mulai 16 September 2012 setelah mendapat kelulusan perluasan penggunaan akta itu dan diwartakan pada 1 Oktober 2012.
- 1.4. Merujuk kepada ketetapan Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Kali ke-74 bertarikh 22 Jun 2020, persidangan tersebut telah bersetuju untuk menerima pakai Akta 461 di mahkamah-mahkamah syariah seluruh Malaysia. Justeru Jabatan Peguam Negara melalui surat bertarikh 10 September 2020 kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah memberikan pandangan undang-undang bahawa mahkamah-mahkamah syariah turut berbidangkuasa untuk melaksanakan PKW.
- 1.5. Justeru, suatu Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) bagi Pesalah Syariah (selepas ini disebut Garis Panduan ini) digubal dan ianya menjadi dokumen/ manual penting bagi tujuan mengawal selia

pelaksanaannya secara seragam di mahkamah-mahkamah syariah seluruh Malaysia.

- 1.6. Garis Panduan ini telah dipersetujui dan dimuktamadkan oleh Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali ke-76 Bil. 1 yang diadakan pada 6 April 2021.

2. SKOP

- 2.1. PKW dikawal oleh suatu akta yang dikenali sebagai Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 (Disemak-1991) [*Akta 461*]. Kali terakhir ianya dipinda ialah pada tahun 2021 melalui Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah) (pindaan) 2021 dan berkuatkuasa pada 16 April 2021.
- 2.2. PKW boleh diperintahkan Hakim Bicara terhadap mana-mana pesalah yang telah disabitkan kesalahan yang sepatutnya dikenakan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak lebih 3 tahun atau hukuman denda yang jika ingkar atau gagal bayar boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih 3 tahun sebagaimana peruntukan di perenggan 5(1)(a) dan (b) Akta 461.
- 2.3. PKW ke atas pesalah adalah untuk tempoh masa yang tidak melebihi 12 bulan dan pesalah dikehendaki melakukan kerja wajib tidak melebihi empat jam sehari. Pesalah dikehendaki melaporkan diri pada hari, masa dan Pusat Kehadiran Wajib (Pusat) yang dinyatakan dalam perintah dan syarat-syarat PKW seperti di seksyen 6 Akta 461.
- 2.4. Semasa menjalani hukuman PKW di lokasi yang ditetapkan, pesalah akan dipantau oleh Pegawai Pusat Kehadiran Wajib (PPKW) dan laporan akan dicatat bagi setiap kerja yang dilakukan di lokasi.
- 2.5. Pesalah yang melanggar syarat-syarat PKW di bawah subseksyen 8(1) Akta 461, pelanggaran tersebut akan dilaporkan oleh PPKW secara bertulis kepada mahkamah dan pesalah boleh dikenakan apa-apa hukuman atau hakim boleh menegur pesalah tanpa menjatuhkan hukuman atau membuat apa-apa perintah lanjutan.

3. OBJEKTIF & KANDUNGAN UMUM GARIS PANDUAN

- 3.1. Selain Garis Panduan ini, mahkamah-mahkamah syariah seluruh Malaysia hendaklah merujuk kepada Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 (Disemak-1991) dan (Pindaan) 2021 [*Akta 461*] bagi tujuan pelaksanaannya.
- 3.2. Garis Panduan ini bertujuan menerangkan proses pengendalian PKW dan mengandungi Proses Kerja, Carta Alir dan Borang-borang berkaitan bermula dari prosiding menjatuhkan hukuman, pra PKW dan peringkat pasca PKW.

4. KANDUNGAN UMUM PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

- 4.1. Secara umumnya Garis Panduan ini mengandungi sembilan (9) perkara dan tiga (3) Jadual iaitu;
 - i. Jadual Pertama: Singkatan dan Proses Kerja;
 - ii. Jadual Kedua: Tiga (3) Carta alir; dan
 - iii. Jadual Ketiga: Empat (4) Borang-borang.

5. PENUTUP

Justeru, Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Bagi Pesalah Syariah secara praktisnya akan memastikan struktur pelaksanaan PKW bagi pesalah syariah dikendalikan secara sistematik dan seragam oleh semua agensi berkaitan di seluruh Malaysia.



GARIS PANDUAN

PERINTAH KEHADIRAN WAJIB (PKW)
BAGI PESALAH SYARIAH

disediakan oleh

**Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri
Mahkamah Syariah Negeri**

dengan kerjasama

**Jabatan Penjara Malaysia
Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jabatan Agama Islam Negeri**

GARIS PANDUAN PERINTAH KEHADIRAN WAJIB (PKW) BAGI PESALAH SYARIAH

SUSUNAN KANDUNGAN

Perkara

1. Nama
2. Skop pemakaian
3. Tafsiran
4. Mahkamah berbidang kuasa dan rayuan
5. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan PKW
6. Tanggungjawab umum Mahkamah Syariah dan agensi
7. Tanggungjawab Pendaftar
8. Tanggungjawab Pengawal Keselamatan Mahkamah (PKM), Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM)
9. Tanggungjawab Hakim Syarie

Lampiran A.

Senarai kesalahan yang boleh dikenakan Perintah Kehadiran Wajib

Lampiran B.

Senarai Pusat Kehadiran Wajib seluruh Malaysia yang diwartakan

JADUAL PERTAMA

(Singkatan dan Proses Kerja)

JADUAL KEDUA

(Carta Alir)

JADUAL KETIGA

(Borang-Borang)

1. Nama

Garis panduan ini hendaklah dinamakan sebagai Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) bagi Pesalah Syariah dan selepas ini disebut sebagai 'Garis Panduan'.

2. Skop dan pemakaian

- 2.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan berhubung dengan tatacara pengeluaran dan pengendalian perintah kehadiran wajib kepada pesalah-pesalah syariah dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.
- 2.2 Garis Panduan ini terpakai kepada Hakim Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa termasuklah mana-mana anggota Mahkamah Syariah dan agensi yang berkaitan (jika berkenaan).

3. Tafsiran

Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta 461” atau “Akta ini” ertinya Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 (Disemak-1991) dan Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah) (pindaan) 2021;

“Akta Penjara” ertinya Akta Penjara 1995 [Akta 537];

“Akta Pentadbiran” ertinya Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]¹;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 Akta Pentadbiran atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan²;

“Pegawai Pusat Kehadiran Wajib” atau “PPKW” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta 461;

“Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah atau Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah seksyen 45 Akta Pentadbiran atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan³;

¹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

² Seksyen 55 Enakmen. Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, seksyen 3 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), seksyen 43 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 42 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang), seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, seksyen 44 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), seksyen 4 Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), seksyen 3 Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak), seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 4 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

³ Seksyen 60 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, seksyen 19 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, subseksyen 7(1)(d) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, seksyen 60 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 46 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) 2015 (Pahang), seksyen 60 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, seksyen 15 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, seksyen 60 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), seksyen 10 Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), seksyen 9 Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak), seksyen 60 Enakmen

“Pendakwa Syarie” ertinya seorang pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 58(3) Akta Pentadbiran atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan⁴;

“Perintah Kehadiran Wajib” atau “PKW” ertinya suatu perintah Mahkamah yang dibuat di bawah seksyen 5 Akta 461;

“pesalah” ertinya seseorang yang mana berkenaan dengannya suatu Perintah Kehadiran Wajib sedang pada masa itu berkuat kuasa;

“Pusat” ertinya Pusat Kehadiran Wajib yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta 461.

4. Mahkamah berbidang kuasa dan rayuan

4.1 Tertakluk pada seksyen 46 dan 47 Akta Pentadbiran atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri berkaitan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah⁵, Mahkamah Tinggi

Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 10 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

⁴ Subseksyen 78(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, subseksyen 44(3) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, perenggan 7(1)(c) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), subseksyen 66(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Ss.78(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, subseksyen 65(3) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang), subseksyen 78(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, subseksyen 67(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, subseksyen 78(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), subseksyen 30(3) Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), subseksyen 26(3) Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak), subseksyen 78(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan subseksyen 55(3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1442H/2001M.

⁵ Seksyen 61 dan 62 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, seksyen 13 dan 18 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, seksyen 9 dan 10 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), seksyen 49 dan 50 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, seksyen 61 dan 62 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 47 dan 48 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) 2015 (Pahang), seksyen 61 dan 62 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, seksyen 17 dan 16 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, seksyen 61 dan 62 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), seksyen 11 dan 12 Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), seksyen 10 dan 11

Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah adalah berbidang kuasa untuk memerintahkan PKW.

4.2 Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan rayuan atau menjalankan pengawasan dan penyemakan berkaitan PKW di mana-mana peringkat tertakluk pada bidang kuasa mahkamah masing-masing sebagaimana termaktub dalam Akta Pentadbiran atau mana-mana undang-undang bertulis negeri-negeri.

5. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan PKW

Tertakluk pada mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa di negeri-negeri, kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan PKW adalah seperti di Lampiran A.

6. Tanggungjawab umum Mahkamah Syariah dan agensi

Pegawai-pegawai Mahkamah termasuk agensi berkaitan hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan memastikan pelaksanaan PKW di semua peringkat prosiding di Mahkamah Syariah berjalan dengan lancar, teratur dan mengikut proses kerja yang ditetapkan.

7. Tanggungjawab Pendaftar

Pendaftar hendaklah bertanggungjawab—

- (a) untuk memastikan pendaftaran, pengurusan dan proses perbicaraan kes-kes jenayah syariah berjalan lancar;
- (b) untuk memastikan dan menyediakan borang-borang dan dokumen-dokumen berkaitan iaitu Borang Perintah Kehadiran Wajib (Borang 1), Waran dan Borang Perintah Muktamad (Borang 2);
- (c) sebaik sahaja Hakim memerintahkan PKW ke atas pesalah, menyerahkan Borang Perintah Kehadiran Wajib (Borang 1) yang telah lengkap kepada—
 - (i) pesalah; dan
 - (ii) Pusat Kehadiran Wajib yang berkenaan.
- (d) untuk memastikan pesalah bertanggung untuk pergi sendiri melapor diri kepada Pegawai Pusat Kehadiran Wajib di Pusat Kehadiran Wajib yang telah ditentukan pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan;
- (e) untuk menguruskan prosiding pasca PKW dengan mengeluarkan, menguruskan dan menyampaikan notis kehadiran kepada—
 - (i) Ketua Pendakwa Syarie/ Pendakwa Syarie;
 - (ii) Pesalah/ Peguam Syarie pesalah; dan
 - (iii) Pegawai Pusat Kehadiran Wajib (jika Hakim fikirkan perlu),bagi tujuan kehadiran dalam prosiding ke atas pesalah (*bagi situasi pesalah gagal melaksanakan PKW setelah Laporan Kegagalan Melaksanakan Aktiviti Kerja Wajib PKW (Borang 4) difailkan PPKW di mahkamah*);
- (f) untuk mengeluarkan, menguruskan dan menyampaikan perintah waran tangkap kepada—

- (i) Pegawai Penguat Kuasa Agama; atau
- (ii) Polis Diraja Malaysia (PDRM),

bagi tujuan pelaksanaan ke atas pesalah (*bagi situasi keingkaran pesalah hadir di mahkamah ketika prosiding pasca PKW (setelah Laporan Kegagalan Melaksanakan Aktiviti Kerja Wajib PKW (Borang 4)) difailkan PPKW di mahkamah*);

- (g) tertakluk pada perintah Hakim melalui Perintah Muktamad (Borang 2), untuk menguruskan pelepasan wang jaminan kepada pesalah yang telah menyempurnakan PKW;
- (h) untuk memastikan Perintah Muktamad (Borang 2) disampaikan kepada PPKW, Pendakwa Syarie, pesalah dan mana-mana pihak penguat kuasa hukuman, jika perlu; dan
- (i) untuk memastikan pengurusan fail kes pesalah sehingga selesai ditutup.

8. Tanggungjawab Pengawal Keselamatan Mahkamah (PKM), Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM)

8.1 Pengawal Keselamatan Mahkamah (PKM), Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), (mengikut mana-mana yang berkenaan), hendaklah bertanggungjawab—

- (a) untuk memastikan keselamatan pesalah—
 - (i) sebelum perbicaraan;
 - (ii) ketika perbicaraan;

- (iii) selepas hukuman PKW diperintahkan ke atas pesalah; dan
 - (iv) sepanjang prosiding pasca pelaksanaan PKW, jika berkaitan; dan
- (b) untuk memastikan pesalah menyelesaikan pelbagai urusan mahkamah seperti bayaran bon dan lain-lain sebelum dilepaskan selepas hukuman PKW diperintahkan mahkamah.

8.2 PPA atau PDRM bertanggungjawab memastikan penyempurnaan waran tangkap ke atas pesalah, jika perlu.

9. Tanggungjawab Hakim Syarie

Hakim Syarie bertanggungjawab—

(a) ***dalam Prosiding Pra Hukuman PKW—***

- (i) mensabitkan kesalahan pesalah terlebih dahulu;
- (ii) mendengar mitigasi peringanan hukuman oleh pesalah sama ada sendiri atau melalui wakil (peguam); dan
- (iii) mendengar Pendakwa Syarie menghujahkan justifikasi fakta kes dan hukuman.

(b) ***dalam Prosiding Menjatuhkan Hukuman PKW,—***

- (i) memastikan kesalahan pesalah termasuk dalam hukuman yang boleh dikenakan PKW seperti perkara 5 di atas dan Lampiran A;

- (ii) menjatuhkan hukuman PKW ke atas pesalah setelah perkara-perkara berikut dilaksanakan dalam prosiding dan dicatatkan dalam catatan perbicaraan atau nota keterangan fail kes—
- (A) mencatatkan Mahkamah telah menimbang peruntukan perenggan 5(1)(a)(b) dan subseksyen 5(1A) Akta 461 sebelum membuat perintah;
 - (B) mencatatkan PKW adalah ganti hukuman pemenjaraan untuk tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun ke atas pesalah;
 - (C) jika melibatkan hukuman denda, Hakim mencatatkan sama ada pesalah mampu membayar denda dan kegagalan atau keingkaran membayar hukuman denda akan dikenakan hukuman pemenjaraan selama tidak melebihi tiga (3) tahun tertakluk pada perenggan 122(1)(b) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560]⁶;
 - (D) mencatatkan Hakim telah memberikan pertimbangan kepada watak pesalah, sifat dan keseriusan kesalahan atau hal-hal keadaan dalam mana seseorang itu gagal membayar denda dan semua hal keadaan lain kes tersebut, adalah tidak suai manfaat untuk memenjarakan pesalah;
 - (E) mencatatkan butiran penerangan Hakim yang menggunakan bahasa mudah kepada pesalah berkenaan dengan kesan PKW dan akibatnya jika pesalah ingkar mematuhi;

⁶ Subseksyen 122(1)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003, subseksyen 123(1)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, subseksyen 122(1)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Kelantan), subseksyen 122(1)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002, subseksyen 126(1)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, subseksyen 122(1)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Pahang), subseksyen 122(1)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, subseksyen.122(1)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perak) 2004, subseksyen 122(1)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2006 (Perlis), subseksyen 122(1)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2004 (Sabah), subseksyen 122(1)(b) Ordinan Tatacara Jenayah Syariah 2001 (Sarawak), subseksyen 122(1)(b) Enakmen Enak. Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan subseksyen 122(1)(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001.

- (F) mencatatkan butiran penerangan Hakim yang menggunakan bahasa mudah kepada pesalah berkenaan dengan akibat keingkaran mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam seksyen 8 Akta 461; dan
 - (G) mencatatkan persetujuan pesalah untuk mematuhi perkara-perkara di subperenggan (E) dan (F) di atas.
- (iii) memerintahkan PKW ke atas pesalah dengan mencatatkan butiran-butiran berikut dalam Borang Perintah Kehadiran Wajib (Borang 1) yang disediakan—
- (A) nama Pusat Kehadiran Wajib— lokasi bergantung kepada kesesuaian/ pilihan pesalah dengan merujuk Lampiran B;
 - (B) menyatakan tempoh hukuman tidak melebihi dua belas (12) bulan;
 - (C) menyatakan tempoh menjalani hukuman tidak melebihi empat (4) jam sehari;
 - (D) tertakluk pada hal keadaan pesalah, menetapkan bon jamin, penjamin atau tanpa bon jamin/ penjamin; dan
 - (E) menyatakan tempat Pusat Kehadiran Wajib, tarikh/ hari dan masa pesalah hendaklah melaporkan diri di hadapan Pegawai Pusat Kehadiran Wajib bagi tujuan pelaksanaan PKW.
- (iv) memastikan pesalah telah menyempurnakan Aku Janji di Borang Perintah Kehadiran Wajib (Borang 1).

(c) ***dalam Prosiding Pasca PKW—***

- (i) meneliti Laporan Pelaksanaan Penilaian PKW (bagi pesalah yang menyempurnakan PKW) (Borang 3) atau Laporan Kegagalan Melaksanakan Aktiviti Kerja Wajib PKW (Borang 4) yang disediakan oleh PPKW;
- (ii) melepaskan pesalah, jika Laporan Pelaksanaan Penilaian PKW (Borang 3) dikemukakan oleh PPKW, tanpa kehadiran pesalah, Pendakwa Syarie dan PPKW;
- (iii) mengeluarkan Perintah Muktamad (Borang 2);
- (iv) memerintahkan pemulangan wang jaminan pesalah dan pesalah pada bila-bila masa tertakluk dengan peraturan kewangan menuntut semula wang jaminan tersebut dan fail kes pesalah di mahkamah dianggap selesai; atau
- (v) menjatuhkan apa-apa hukuman berdasarkan peruntukan undang-undang kesalahan berkaitan atau memerintahkan PKW sekali lagi ke atas pesalah atau boleh menegur pesalah tanpa menjatuhkan hukuman atau membuat apa-apa perintah lanjutan melalui Perintah Muktamad (Borang 2), jika Laporan Kegagalan Melaksanakan Aktiviti Kerja Wajib PKW (Borang 4) dikemukakan oleh PPKW, tertakluk pada kehadiran pesalah dan setelah mendengar mitigasi peringanan hukuman pesalah/ peguam, hujahan Pendakwa Syarie dan penjelasan Pegawai Pusat Kehadiran Wajib (jika perlu);
- (vi) mengeluarkan waran tangkap ke atas pesalah dan merampas wang jaminan jika pesalah tidak hadir atau ingkar untuk hadir di hadapan Hakim;
- (vii) memastikan melalui Pendaftar, suatu waran tangkap diserahkan kepada PPA atau PDRM (mengikut mana-mana yang sesuai) bagi tujuan penyempurnaan waran tangkap tersebut ke atas pesalah;

- (viii) menjatuhkan apa-apa hukuman berdasarkan peruntukan undang-undang kesalahan berkaitan atau memerintahkan PKW sekali lagi ke atas pesalah atau boleh menegur pesalah tanpa menjatuhkan hukuman atau membuat apa-apa perintah lanjutan melalui Perintah Muktamad (Borang 2), jika waran tangkap disempurnakan dan pesalah dibawa ke hadapan Hakim dan setelah mendengar mitigasi peringanan hukuman pesalah atau peguam, hujahan Pendakwa Syarie dan penjelasan Pegawai Pusat Kehadiran Wajib (jika perlu);
- (ix) menutup fail pesalah tertakluk pada proses pasca hukuman PKW di perenggan (iv), (v) atau (viii) selesai; dan
- (x) memastikan melalui Pendaftar, Perintah Muktamad (Borang 2) disampaikan kepada PPKW, Pendakwa Syarie dan pesalah, jika perlu.



LAMPIRAN A

**SENARAI KESALAHAN
YANG BOLEH
DIKENAKAN HUKUMAN
PKW**

Perkara 5

**SENARAI KESALAHAN YANG BOLEH DIKENAKAN
PERINTAH KEHADIRAN WAJIB⁷**

**1. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)
1993 [Akta 505]**

Seksyen 93 Kesalahan memberi maklumat palsu

**2. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta
559]**

Seksyen 10 Mengingkari perintah Mahkamah

Seksyen 11 Mengajar agama tanpa tauliah

Seksyen 12 Pendapat yang bertentangan dengan *fatwa*

Seksyen 13 Penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak

Seksyen 14 Tidak menunaikan sembahyang Jumaat

Seksyen 15 Tidak menghormati Ramadhan

Seksyen 16 Tidak membayar zakat atau fitrah

Seksyen 17 Menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama

Seksyen 18 Berjudi

Seksyen 19 Minuman yang memabukkan

⁷ Senarai Kesalahan Yang Boleh Dikenakan PKW bagi negeri-negeri adalah tertakluk pada cadangan pihak berkuasa agama di negeri-negeri.

- Seksyen 20 Perbuatan sumbang *mahram*
- Seksyen 21 Pelacuran
- Seksyen 22 *Muncikari*
- Seksyen 23 Persetubuhan luar nikah
- Seksyen 24 Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah
- Seksyen 25 *Liwat*
- Seksyen 26 *Musahaqah*
- Seksyen 27 *Khalwat*
- Seksyen 28 Orang lelaki berlagak seperti perempuan
- Seksyen 29 Perbuatan tidak sopan di tempat awam
- Seksyen 30 Memberikan keterangan, maklumat atau pernyataan palsu
- Seksyen 32 Memusnahkan atau mencemarkan masjid, surau, dsb.
- Seksyen 33 Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa
- Seksyen 34 Pembayaran tidak sah zakat atau fitrah
- Seksyen 35 Menggalakkan maksiat
- Seksyen 36 Memujuk lari perempuan bersuami

- Seksyen 37 Menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri
- Seksyen 38 Menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan
- Seksyen 39 Memujuk lari orang perempuan
- Seksyen 40 Menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam
- Seksyen 41 *Qazaf*
- Seksyen 42 Penyalahgunaan tanda halal
- Seksyen 43 Penyubahatan
- Seksyen 47 Percubaan

Semua kesalahan di bawah Bahagian II serta seksyen 7, 8, 9 dan 31 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]⁸ iaitu Kesalahan yang Berhubungan dengan Kesucian Agama Islam dan Institusinya termasuklah semua kesalahan Penyubahatan dan Percubaan yang berkait dengan Bahagian II & seksyen 7, 8, 9 & 31 **DIKECUALIKAN** daripada dikenakan PKW.

3. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]

- Seksyen 35 Tidak hadir di hadapan Pendaftar pada masa yang ditetapkan

⁸ Seksyen 55 Akta 559. Jika Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan di bawah Bahagian II atau di bawah seksyen 7, 8, 9 atau 31, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan mana-mana orang sedemikian dikomitkan ke pusat pemulihan diluluskan untuk menjalani apa-apa kaunseling atau pemulihan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; tetapi jika apa-apa hukuman pemenjaraan dikenakan sekali dengan kaunseling atau pemulihan, tempohnya tidaklah boleh melebihi agregat tiga tahun.

- Seksyen 36 Pelanggaran terhadap seksyen 32
- Seksyen 37 Gangguan terhadap perkahwinan
- Seksyen 38 Iqrar atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan
- Seksyen 39 Akad nikah perkahwinan yang tidak dibenarkan
- Seksyen 40 Kesalahan yang berhubungan dengan akad nikah perkahwinan
- Seksyen 123 Poligami tanpa kebenaran mahkamah
- Seksyen 124 Perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah
- Seksyen 125 Tidak membuat apa-apa laporan
- Seksyen 126 Meninggal langsung isteri
- Seksyen 127 Menganiaya isteri atau suami
- Seksyen 128 Tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri
- Seksyen 129 Isteri tidak menurut perintah
- Seksyen 130 Percubaan untuk menjadi murtad untuk membatalkan perkahwinan
- Seksyen 131 Persetubuhan luar nikah antara orang yang bercerai
- Seksyen 132 Kecuaian dengan sengaja untuk mematuhi perintah
- Seksyen 133 Percubaan dan subahat



LAMPIRAN B

**SENARAI PUSAT
KEHADIRAN WAJIB
YANG DIWARTAKAN
SELURUH MALAYSIA**

SubPerenggan 9(b)(iii)(A)

**SENARAI PUSAT KEHADIRAN WAJIB SELURUH MALAYSIA
YANG DIWARTAKAN SEBAGAIMANA SEKSYEN 3 AKTA 461**

NEGERI	NAMA PUSAT KEHADIRAN WAJIB/ NO. TELEFON	KAWASAN	LOKASI PEMANTAUAN
PERLIS	<p>Pusat Kehadiran Wajib Negeri Perlis</p> <p>Tingkat M, Bangunan Persekutuan Kangar Persiaran Jubli Emas 01000 Kangar Perlis</p> <p>Tel : 04-9791301 / 04-9791300</p>	<ul style="list-style-type: none"> Meliputi Keseluruhan Negeri Perlis termasuk Pulau Langkawi 	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh Negeri Perlis termasuk Pulau Langkawi
	<p>Pusat Kehadiran Wajib Daerah Kangar</p> <p>No. 7 Tingkat 1 & 2, Jalan 1, Kompleks Perniagaan Seriab Taman Pertiwi Indah 01000 Kangar Perlis</p> <p>Tel : 04-9761333 / 04-9791300</p>	<ul style="list-style-type: none"> Meliputi Keseluruhan Negeri Perlis 	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh Negeri Perlis
	<p>Pusat Kehadiran Wajib Daerah Pulau Langkawi</p> <p>Blok 2, Aras 2 Kompleks Kementerian Dalam Negeri Jalan Padang Mat Sirat 07000 Langkawi Kedah Darul Aman</p> <p>Tel : 04-9663512 / 04-9693510</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pulau Langkawi 	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh Pulau Langkawi

NEGERI	NAMA PUSAT KEHADIRAN WAJIB/ NO. TELEFON	KAWASAN	LOKASI PEMANTAUAN
KEDAH	<p>Pusat Kehadiran Wajib Negeri Kedah</p> <p>Tingkat Bawah, Wisma Persekutuan Jalan Kampung Baru 05000 Alor Setar Kedah Darul Aman</p> <p>Tel : 04-7342671/ 04-7342672</p>	<ul style="list-style-type: none"> Meliputi Keseluruhan Negeri Kedah 	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh Negeri Kedah
	<p>Pusat Kehadiran Wajib Daerah Kota Setar</p> <p>Aras 6, Wisma Persekutuan Jalan Kampung Baru 05000 Alor Setar Kedah Darul Aman</p> <p>Tel : 04-7349442/ 04-7349458</p>	<ul style="list-style-type: none"> Kota Setar Kubang Pasu Yan 	<ul style="list-style-type: none"> Kota Setar Kubang Pasu Yan
	<p>Pusat Kehadiran Wajib Daerah Pendang</p> <p>No. 49, Jalan Bandar Baru Pekan Tanah Merah 06700 Pendang Kedah Darul Aman</p> <p>Tel : 04-7581882/ 04-7581884</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pendang Padang Terap Pokok Sena 	<ul style="list-style-type: none"> Pendang Padang Terap Pokok Sena
	<p>Pusat Kehadiran Wajib Daerah Baling</p> <p>No. 18 Taman Aman Perwira 09300 Kuala Ketil Kedah Darul Aman</p> <p>Tel : 04-4160686</p>	<ul style="list-style-type: none"> Baling Sik 	<ul style="list-style-type: none"> Baling Sik

NEGERI	NAMA PUSAT KEHADIRAN WAJIB/ NO. TELEFON	KAWASAN	LOKASI PEMANTAUAN
